



PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2022

[www.mfa.org.my/agm28](http://www.mfa.org.my/agm28) | 🔍

27 Jun 2023  
Royale Chulan , Kuala Lumpur





## Kandungan Laporan Tahunan 2022

- **Perutusan : YB Menteri**  
*Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)*
- **Perutusan : Pengerusi**  
*Persatuan Francais Malaysia (MFA)*



### 6 PerihalMFA

- 6 Visi, Misi, Objektif dan Peranan MFA
- 7 Maklumat Korporat
- 8 Kepimpinan MFA
- 11 Profil Ahli Jawatankuasa Utama
- 16 Tadbir Urus Korporat
- 18 Pasukan Sekretariat
- 19 Statistik Keahlian
- 20 Carta Organisasi
- 21 MFA Sepintas Lalu
- 22 Ringkasan Kewangan



### 23 Program & Aktiviti

- 24 Keterlibatan dengan Industri
- 31 Program Kerjasama
- 40 Pengurusan Acara & Program Latihan
- 53 Sokongan Keahlian
- 57 Promosi & Pengiklanan



### 63 PenyataKEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DIS 2022

- 64 Laporan Prestasi Kewangan
- 69 Laporan Juruaudit Bebas
- 71 Laporan Berkanun JKU
- 71 Akuan Berkanun
- 72 Lembaran Imbangan
- 73 Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
- 74 Penyata Penerimaan & Pembayaran
- 75 Nota - Nota Kepada Penyata Kewangan

### 82 Kalendar Aktiviti

- Aktiviti Sepanjang Tahun 2022





## PERUTUSAN YB MENTERI

**YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup

*Assalamualaikum dan Salam Malaysia Madani,*

**Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah atas terbitan Laporan Tahunan 2022 Persatuan Francais Malaysia (MFA). Laporan ini merupakan satu terbitan yang memaparkan sumbangan dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh MFA bagi menyokong usaha kerajaan dalam membangunkan dan mempromosikan industri francais Malaysia sepanjang tahun 2022.**

Tahniah dan syabas kepada MFA yang telah melaksanakan peranannya dengan begitu baik sebagai satu-satunya persatuan francais di Malaysia. Saya difahamkan, MFA kini mempunyai lebih 500 ahli yang terdiri daripada penggiat industri francais tempatan dan antarabangsa, institusi sokongan, pelajar, dan bakal usahawan francais. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada MFA kerana sentiasa bersama KPDM dalam melaksanakan pelbagai aktiviti francais di peringkat domestik dan antarabangsa. Sepanjang tahun 2022, antara program kerjasama yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dan MFA ialah Program Francais Mikro dan Mampu Milik (F3M), Program Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2022 (FIM2022), Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP), Program Jelajah Francais, Misi Perdagangan Antarabangsa dan Siri Webinar Francais.


Dalam hal ini, KPDM akan sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang terbaik kepada MFA dalam melaksanakan inisiatif mempromosikan serta membangunkan industri francais tempatan ke peringkat yang lebih tinggi bahkan setanding pasaran antarabangsa. Kami di kementerian akan meneruskan usaha dalam merangka lebih banyak program yang berimpak tinggi demi memastikan lebih ramai usahawan francais dapat dilahirkan serta lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan untuk Malaysia MADANI. Saya yakin usaha ini akan dapat menghasilkan sesuatu yang positif ke arah pertumbuhan industri francais yang lebih kondusif dan holistik, serta mampu memberi perubahan persekitaran perniagaan francais pada masa akan datang.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada barisan Jawatankuasa Utama MFA 2022/2024 terutamanya di bawah pimpinan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan, ahli-ahli MFA dan para penggiat industri sama ada sektor francais dan sektor yang berkaitan kerana sentiasa komited dan berganding bahu dengan KPDM dalam membangunkan dan memperkasakan industri francais Malaysia.

Tahniah sekali lagi atas komitmen dan kerjasama terhadap aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan. Saya yakin komitmen sebegini dapat diteruskan untuk tahun-tahun seterusnya bagi merencanakan pembangunan industri ini seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hab francais di Asia Tenggara sebagaimana yang telah disasarkan.

**Sekian, Selamat Maju Jaya.**









## PERUTUSAN PENGERUSI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

**Datuk Dr. Radzali Bin Hassan**

Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA)

*Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.*

**Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya serta berkat usaha yang diberikan seluruh warga Persatuan Francais Malaysia (MFA), Buku Laporan Tahunan MFA 2022 berjaya diterbitkan. Laporan Tahunan ini adalah merupakan satu dokumentasi penting sebagai titipan sejarah yang merakamkan sumbangan, inisiatif, gerak kerja dan pencapaian MFA sepanjang tahun 2022.**

Mengimbas kembali pencapaian pada tahun 2022, syukur alhamdulillah kita telah diberikan keupayaan untuk menghadapi segala cabaran dan menggapai kejayaan dalam pelbagai program dan inisiatif yang telah dilaksanakan. Tirai 2022 dilabuhkan dengan pelbagai aktiviti yang selaras dengan usaha kerajaan untuk mempromosikan serta membangunkan industri francais tempatan yang antaranya adalah sesi libaturus bersama pemain industri, program latihan francais, Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM), Jelajah Francais serta program kerjasama bersama KPDN bagi Program Pengukuhan Francais Bagi Meningkatkan Eksport (EFDP) dan Program Pembangunan Francais Mikro Dan Mampu Milik (F3M).

Melangkah ke hadapan, MFA telah menyusun pelbagai aktiviti dan inisiatif yang dapat memberi nilai tambah kepada penggiat industri francais terutamanya ahli MFA. Sesungguhnya MFA akan sentiasa berusaha untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak kementerian dan

badan berkepentingan lain dalam melaksanakan inisiatif untuk menggerakkan ekonomi negara. Selain itu, usaha kesedaran mengenai perkembangan perniagaan francais kepada masyarakat juga akan diteruskan bagi mengukuhkan imej cemerlang francais Malaysia sebagai sistem perniagaan yang berdaya saing dan mampu berkembang ke peringkat global.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah buat Ahli Jawatankuasa termasuk sekretariat MFA atas segala komitmen dalam merealisasikan seluruh perancangan yang disusun sepanjang tahun 2022. Bagi pihak MFA juga, ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) khususnya Bahagian Pembangunan Francais Dan Jualan Langsung (BPFJL), Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), World Franchise Council (WFC), Asia Pacific Franchise Confederation (APFC), agensi-agensi kerajaan, rakan usaha sama dan para ahli atas sumbangan dan sokongan dalam memartabatkan industri francais di Malaysia.

Akhir kata, saya berharap agar hubungan kerjasama yang dijalinan ini dapat diteruskan bagi memperkukuhkan perancangan dan usaha untuk membangunkan industri ini di dalam dan luar negara seterusnya mewujudkan ekosistem francais yang lebih kondusif dan mampan. Semoga setiap langkah dan titik peluh semua pihak yang terlibat membuahkan hasil yang dapat dimanfaatkan oleh penggiat industri francais dan rakyat Malaysia secara keseluruhan.

Sekian, Wassalam.







## Sekilas Mengenai MFA

MFA adalah sebuah persatuan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dengan matlamat untuk mempromosikan dan memperkasakan perniagaan francais Malaysia.

**Misi** Menggembelingkan Francaisor, Francaisi dan Institusi Sokongan dalam satu semangat kekeluargaan, bagi memupuk imej yang cemerlang untuk perniagaan Francais.

**Visi** Menjadi pendokong dan penggerak utama mewakili masyarakat Francais ke arah merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi Pusat Serantau Pembangunan Francais.



### Objektif

1. Menyatukan tenaga ahli-ahli untuk menjaga kepentingan mereka.
2. Memupuk dan mempertahankan imej perniagaan francais dengan menggalakkan amalan perniagaan secara beretika.
3. Mendokong usaha kerajaan untuk menggalakkan penyertaan bumiputera secara langsung dan aktif dalam perniagaan francais.
4. Untuk menyelaras kemudahan dan infrastruktur yang tersedia bagi pembangunan Francais di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

### Peranan MFA

- (a) Menetapkan dan menguatkuasa satu etika amalan perniagaan secara professional di kalangan ahli-ahli.
- (b) Bertindak selaku penyimpan maklumat induk mengenai semua aktiviti francais yang sedang beroperasi dan juga yang akan beroperasi di Malaysia serta mengumpul dan menyimpan data dan statistik yang berkaitan dengan perniagaan francais di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.
- (c) Menjalankan kegiatan menggalakkan pertubuhan perniagaan francais, termasuk kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan ke arah memantapkan lagi perniagaan francais di Malaysia.
- (d) Menyelaras dan melaksanakan program-program latihan dan seminar bertujuan bagi meningkatkan daya kefahaman mengenai sistem francais, pengukuhan sikap dan amalan perniagaan.
- (e) Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi bertujuan memperkenalkan sistem francais sebagai satu bentuk perniagaan yang berdaya maju serta menjamin kepuasan masyarakat pelanggan dengan produk (termasuk perkhidmatan) yang berkualiti.
- (f) Memberi cadangan, maklumbalas serta kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa mengenai isu-isu berkenaan dengan francais dan yang berkaitan dengannya.
- (g) Bertindak selaku forum untuk bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran di antara ahli-ahli Pertubuhan.
- (h) Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan Persatuan-Persatuan Francais di peringkat antarabangsa.
- (i) Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan lain-lain pertubuhan perdagangan dalam negeri.
- (j) Mengajukan misi pelaburan mengenai francais ke luar negara untuk mengetahui perkembangan sistem ini dan juga untuk mengeksport produk-produk francais tempatan yang telah berdaya maju.
- (k) Menjadi tuan rumah bagi misi perniagaan dan pelaburan dari luar negara dan membantu mereka memahami tentang potensi Industri Francais di Malaysia.
- (l) Menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang selaras dengan tujuan Pertubuhan.



# Maklumat Korporat MFA

## Ahli Jawatankuasa Utama

**Datuk Dr. Radzali Hassan**  
Pengerusi

**Dato' Zahriah Abdul Kadir**  
Naib Pengerusi

**Mohamad Shukri Salleh**  
Naib Pengerusi

**Deric Yeo Chin Lee**  
Setiausaha Agung

**Kairul Azman Mohd Yusof**  
Penolong Setiausaha,  
Pengerusi JKI Malam Anugerah  
Francais

**Khalek Awang**  
Penolong Setiausaha,  
Naib Pengerusi JKK Rundingcara  
& Kebajikan

**Ramilan Abdul Rahman**  
Bendahari,  
Pengerusi JKK Kewangan

**Paul Ang**  
Penolong Bendahari,  
Naib Pengerusi JKK Kewangan

**Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman**  
Naib Pengerusi bersama JKK  
Penyelidikan & Pendidikan

**Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah**  
Pengerusi JKK Penyelidikan &  
Pendidikan

**Amran Abdul Hamid**  
Pengerusi JKK Promosi &  
Perhubungan Awam

**Daniel Sim**  
Naib Pengerusi JKK Pendaftaran &  
Etika

**Jacky Lim**  
Naib Pengerusi bersama JKK  
Penyelidikan & Pendidikan

**Joyce See**  
Naib Pengerusi bersama JKK  
Perhubungan Kebangsaan &  
Antarabangsa

**Mazlan Ibrahim**  
Naib Pengerusi bersama JKI  
Franchise International Malaysia

**Neoh Eng Kee**  
Pengerusi JKK Pendaftaran & Etika

**Terry Lim**  
Pengerusi JKK Perhubungan  
Kebangsaan & Antarabangsa

**Wong Jin Nee**  
Pengerusi JKK Rundingcara &  
Kebajikan

**Dato' Rohaizi Bahari**  
Ahli Jawatankuasa Utama

## Ahli Jawatankuasa Eksekutif

**Datuk Dr. Radzali Hassan**  
Pengerusi

**Dato' Zahriah Abdul Kadir**  
Naib Pengerusi

**Deric Yeo Chin Lee**  
Setiausaha Agung

**Ramilan Abdul Rahman**  
Bendahari

**Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman**  
Naib Pengerusi bersama JKK  
Penyelidikan & Pendidikan

## Juruaudit Dalaman

Shahril Yusri Abdul Rahman  
Hairulliza Zaiton

## Juruaudit Luar

**MESSRS. HALIM AHMAD & CO**  
(Chartered Accountants)  
Unit 11-2, 3rd Mile Square,  
No. 151, Jalan Klang Lama,  
Batu 3 1/2, 58100 Kuala Lumpur.

## Bahagian Pengurusan

**Zuraida Jomri**  
Ketua Eksekutif

**Mohd Faizal Abd Latip**  
Timbalan Pengurus Besar, Perhubungan  
Korporat

**Abdullah Abu**  
Timbalan Pengurus Besar, Pembangunan  
Program dan Operasi

## Pejabat Bedaftar

J2-1, Boulevard Business Park  
Jalan Kuching,  
No. 115, Jalan Kepayang  
Off Jalan Kuching,  
51200 Kuala Lumpur  
No Tel: 603-6241 4141  
No Fax: 603-6241 1551

## Saluran Media Korporat

website: [www.mfa.org.my](http://www.mfa.org.my)  
fb: FranchiseMalaysia  
Insta: franchisemalaysia  
Twitter: FranchiseMY  
Youtube: MY Franchise Hub

## Bank Utama

RHB Bank Berhad  
Maybank Berhad  
Bank Rakyat



# Kepimpinan MFA



## PENGERUSI

1- Datuk Dr. Radzali Hassan

## NAIB PENERUSI

2 - Dato' Zahriah Abdul Kadir

3 - Mohamad Shukri Salleh

## SETIAUSAHA AGUNG

4 - Deric Yeo Chin Lee

## PENOLONG SETIAUSAHA

5 - Kairul Azman Mohd Yusoh

6 - Khalek Awang







**BENDAHARI**



7 - Ramlan Abdul Rahman

**PENOLONG BENDAHARI**

8 - Paul Ang

**AHLI JAWATANKUASA**


- 9 - Dato' Rohaizi Bahari
- 10 - Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman
- 11 - Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah
- 12 - Amran Abdul Hamid
- 13 - Daniel Sim





**AHLI JAWATANKUASA**

- 14 - Jacky Lim
- 15 - Joyce See
- 16 - Mazlan Ibrahim
- 17 - Neoh Eng Kee
- 18 - Terry Lim
- 19 - Wong Jin Nee





## PROFIL AHLI JAWATANKUASA UTAMA



HARTA EMS™

### Datuk Dr. Hj Radzali Hassan

Pengerusi

**Datuk Dr. Hj Radzali Hassan**, dilahirkan pada Februari 1957 di Sungkai, Perak. Beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Harta Maintenance Sdn Bhd (Harta) dan berpengalaman luas lebih 40 tahun dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran. Beliau memiliki Ph.D dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Warsaw Management University pada tahun 2019.

Antara pencapaian terbaik Harta dibawah kepimpinan beliau adalah apabila Harta telah diiktiraf sebagai 'Enterprise 50 Award' (2017), Anugerah Majikan Francais Terbaik (2014) dan Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Terbaik (2013) sempena Anugerah Francais Malaysia serta Anugerah Usahawan Gigih Kementerian Pembangunan Usahawan (1988).

Di atas dedikasi dan komitmen beliau terhadap pembangunan usahawan dan perniagaan francais, Datuk Dr Radzali telah dilantik sebagai Pengerusi MFA pada tahun 2017 sehingga kini. Sebagai Pengerusi MFA, Datuk Dr Radzali berperanan

untuk menetapkan halatuju Persatuan dan memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan memberi manfaat kepada ahli, industri dan negara selain menjadi suara ahli untuk menyampaikan hasrat industri francais kepada kerajaan. Selain itu, Datuk Dr Radzali juga terlibat sama dalam pembangunan francais di peringkat global dengan menganggotai Lembaga Penasihat Francais KPDN, ahli World Franchise Council dan Asia Pacific Franchise Confederation, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Eksport Francais, Ahli Retail and F&B Productivity Nexus Governing Committee.

Datuk Dr Radzali juga bergiat aktif dengan lain-lain Persatuan dan antaranya sebagai Ahli Pengasas Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM), Fellow Malaysian Institute of Management dan Ahli bagi Air and Waste Management (USA).

Selain terlibat dengan Persatuan, Datuk Dr Radzali juga terlibat dalam pelbagai sektor korporat dan telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Yayasan Modal Insan Harta (YMIH), Pengarah Atalian Global Services Sdn Bhd, Pengerusi QDOS Technology Sdn Bhd, Pengerusi QDOS Flexcircuits Sdn Bhd, Pengarah QDOS Holdings Bhd, Pengarah Hozone Sdn Bhd, Pengarah Suiwah Corporation Bhd, Pengerusi Green and Smart Sdn Bhd, Pengerusi Eksekutif Traksons Corporation Sdn Bhd, Pengerusi Eksekutif Cytopro Sdn Bhd dan Pengerusi Eksekutif Setia Aquacultor Industries Sdn Bhd.

### Dato' Zahriah Abd Kadir

Naib Pengerusi



HOTEL SERI MALAYSIA  
KANGAR, PERLIS

**Dato' Zahriah Abd Kadir**, 63 tahun merupakan Pengarah Urusan Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd yang mengendalikan Hotel Seri Malaysia Kangar dan berpengalaman luas dalam bidang Perhotelan dan Pengurusan. Berkelulusan Sarjana Master (MA) didalam bidang Polisi dan Strategi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau telah berkhidmat sebagai pegawai kerajaan selama 19 tahun dipelbagai jabatan dan kementerian serta mempunyai pengalaman lebih 10 tahun sebagai Franchisor di Rangkaian Hotel terbesar di Malaysia iaitu rangkaian hotel berasaskan Sistem Francais iaitu Hotel Seri Malaysia. Jawatan terakhir adalah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan.

Menceburkan diri sebagai Usahawan/Francais Hotel Seri Malaysia Kangar sejak tahun 2011. Dato'Zahriah telah dilantik sebagai Bendahari kepada Persatuan Pemilik-Pemilik Hotel (MAHO) pada tahun 2010 sehingga 2012, Bendahari dalam Persatuan Hotel Budget Kedah/Perlis (MYBHA) pada tahun 2019 sehingga kini dan beliau juga merupakan Pengerusi Koperasi FELCRA Gugusan Durian Daun, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi JKI Malam Anugerah Francais (2014,2015,2016,2017 dan 2019), Penolong Setiausaha (2011-2019) dan kini beliau berkhidmat sebagai Naib Pengerusi MFA pada tahun 2019 sehingga kini.

Atas sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan, beliau telah dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang oleh Sultan Pahang pada tahun 2013.

### Mohamad Shukri Salleh

Naib Pengerusi



**Mohamad Shukri Salleh**, 60 tahun merupakan Pengarah Urusan Nautical Bright Enterprise dan berpengalaman luas dalam bidang Perniagaan Francais. Mendapat kelulusan Diploma Elektronik dari Federal Institute Technology (FIT).

Beliau merupakan salah seorang anggota pengasas MFA pada tahun 1994. Sejak itu, beliau aktif dalam industri francais dan dilantik sebagai ahli jawatankuasa utama MFA sehingga kini. Beliau telah memangku jawatan JKI Franchise Media Bowling, JKI Franchise Media Futsal, JKI Franchise Hunt, JKI Franchise International Malaysia, JKK Promosi & Perhubungan, Jawatankuasa Eksekutif, Penolong Setiausaha, Setiausaha Agung dan Naib Pengerusi MFA.

Beliau merupakan penceramah dan moderator yang kerap dijemput ke persidangan, seminar dan bengkel di peringkat antarabangsa dan tempatan, termasuk mengambil bahagian dalam konvensyen WFC dan APFC. Beliau juga telah menerima pengiktirafan Anugerah Penghargaan Khas 2001 – Kategori Individu dari Persatuan Francais Malaysia diatas sumbangan beliau kepada sektor francais di Malaysia.



## Deric Yeo Chin Lee

Setiausaha Agung



**Deric Yeo Chin Lee**, dilahirkan pada 26 April di Batu Pahat, Johor. Beliau merupakan Ketua Pegawai Pembangunan di Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd (Oldtown White Coffee) dan berpengalaman luas dalam bidang Sumber Manusia dan Pemasaran. Beliau berkelulusan dalam Pengajian Bahasa Moden dan Sains Komputer di Universiti Putra Malaysia.

Memulakan kerjaya beliau dalam Pembangunan Manusia untuk industri peruncitan dan F&B, Pakar Strategi Sumber Manusia di syarikat konglomerat dan Pembangunan Perniagaan Francais. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama di bawah JKK Penyelidikan & Pendidikan, Naib Pengerusi dan seterusnya dilantik sebagai Setiausaha Agung MFA pada 2022 sehingga kini. Deric Yeo sering dijemput ke program latihan francais seperti Persidangan Francais Antarabangsa, Kursus Asas Perniagaan Francais, International Franchise Management Certification Course (IFM) dan Grow Your Franchise Certification Course (GYF).

## Khairul Azman Mohd Yusof

Penolong Setiausaha



**Kairul Azman Mohd Yusof** dilahirkan di Teluk Intan, Perak pada Julai 1973. Beliau merupakan Pengarah Francais Antarabangsa Marrybrown Sdn Bhd. Beliau telah berkhidmat kepada Marrybrown sejak tahun 2003 dan berpengalaman selama 20 tahun dalam bidang F&B. Memulakan kerjaya beliau di dalam bahagian operasi dan meneruskan karier sebagai Ketua Bahagian Latihan dan Ketua Bahagian Francais. Beliau menguruskan kesemua outlet Marrybrown untuk enam (6) buah negara dalam operasi, latihan, pemasaran dan pengembangan perniagaan termasuk Sweden, Afrika, UAE, India, Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura dan Australia. Telah dijemput untuk menjadi salah satu penceramah dalam latihan francais sejak 2017. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi JKK Promosi dan Perhubungan Awam pada tahun 2019 seterusnya dilantik sebagai Penolong Setiausaha Agung pada tahun 2022 sehingga kini.

## Paul Ang

Penolong Bendahari



**Paul Ang** merupakan Pengarah Urusan kepada City Coin Laundry Sdn Bhd (LaundryBar). Dilahirkan di Kuala Lumpur pada Oktober 1974. Berkelulusan daripada The Associate of International Accountants pada tahun 1999 dan Diploma dalam Taxation pada tahun 2002. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa pada tahun 2018 dan Penolong Bendahari pada tahun 2022 sehingga kini. Beliau telah berkhidmat sebagai perunding di Grant Thornton Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan audit, cukai dan khidmat nasihat kepada syarikat. Selain itu, beliau juga turut berkhidmat di Ernst & Young di bawah perkhidmatan profesional global sebelum memperkenalkan jenama LaundryBar yang menawarkan pakej perniagaan francais kepada usahawan SME. Beliau bersama rakan kongsi yang lain berjaya membuka lebih 700 outlet di Malaysia, Thailand, Brunei dan Turkey. City Coin Laundry Sdn Bhd telah menerima banyak anugerah termasuk SME 100 Awards 2016, Nan Yang Golden Eagle Award 2017, Sin Chew Award 2017 dan turut dianugerahkan sebagai Francais Antarabangsa Terbaik (Asia Pasifik) pada 2022. Laundrybar juga turut menerima pengiktirafan 'Malaysia Books of Records' sebagai syarikat dobi layan diri yang mempunyai cawangan terbanyak di Malaysia.

## Khalek Awang

Penolong Setiausaha



**Khalek Awang** telah dilahirkan pada 1968. Beliau merupakan seorang peguam sejak diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguambela peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1998. Beliau bersama rakan kongsi telah menubuhkan firma Khalek Awang & Associates 25 tahun yang lalu yang memberi perkhidmatan nasihat guaman dalam pelbagai bidang termasuk undang-undang francais, sivil, korporat dan perbankan.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan kepujian, Ijazah Sarjana Undang-Undang Perbandingan, dan sedang menamatkan Sarjana Undang-Undang Kewangan dan Perbankan Islam di UIA.

Karier awal beliau adalah sebagai seorang pensyarah undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dan juga pensyarah sambilan di Universiti Malaya dan Universiti Industri Selangor, dalam undang-undang Antarabangsa, Jenayah, Sistem Perundangan Malaysia.

Beliau aktif memberikan ceramah undang-undang francais dan Latihan sejak Akta Francais diperkenalkan pada 1999. Pada tahun 2022 beliau telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha Persatuan Francais Malaysia.

## Ramilan Abdul Rahman

Bendahari



**Ramilan Abdul Rahman** dilahirkan di Kg Selising, Pasir Puteh Kelantan pada 7hb Februari 1965. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Jawatan beliau sekarang ialah Pengurus Kanan Pelaburan dan Pembangunan Perniagaan di Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Sebelum ini beliau adalah mantan Pengurus Besar Permodalan Kelantan Berhad

Memulakan kerjaya di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (sekarang JCORP). dan meneruskan kariernya di Pusat Perubatan An-Nisa', Hotel Al-Ansar, Kolej Teknologi Darul Naim, Taman Rehlah dan Infra Quest Sdn Bhd. Beliau juga menjadi Pengarah beberapa anak syarikat PKINK seperti Infra Quest Sdn Bhd, HostCare Sdn Bhd dan ASCII Sdn Bhd Beliau dilantik sebagai Penolong Bendahari dalam Jawatankuasa Utama MFA pada 2019 dan seterusnya berkhidmat sebagai Bendahari bermula tahun 2022 sehingga kini.





## Dato' Rohaizi Bahari

Ahli Jawatankuasa

**Dato' Rohaizi Bahari**, dilahirkan pada tahun 1974, merupakan seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan berkhidmat sebagai Pengarah Kanan di Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1998 dan seterusnya melanjutkan pelajaran di National University of Singapore dan mendapat kelulusan Sarjana Pengurusan Awam pada tahun 2012.

Dato' Rohaizi berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam khususnya dalam bidang pentadbiran dan keselamatan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah di Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri, Pengarah Imigresen Negeri Johor dan Penasihat Kedutaan (Konsular dan Imigresen) di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi, India. Beliau dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang pada tahun 2016 dan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang pada tahun 2018. Dato' Rohaizi dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan Francais Malaysia pada 2022.



## Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman

Ahli Jawatankuasa

Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Putra Business School, UPM. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Kewangan dari University of South Alabama, Amerika dan Ijazah Doktor Falsafah perniagaan dari Aston University, United Kingdom.

Terdahulu, beliau memang jawatan Pengarah Strategi Korporat dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM). Pejabat beliau memainkan peranan penting dalam fungsi utama universiti termasuk dalam perhubungan awam dan media, komunikasi strategik, perancangan strategik, pemantauan dan penilaian prestasi universiti. Beliau juga merupakan pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi di UPM. Beliau aktif dalam melaksanakan program kerjasama dengan pihak industri sebagai penasihat, penilai dan perunding.

Beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama sejak tahun 2015 dan penglibatannya dengan MFA termasuk sebagai panel penilaian, jawatankuasa teknikal, dan pengerusi Anugerah Francais Malaysia dan Persidangan Antarabangsa Francais yang berprestij. Beliau telah membuat lebih dari 70 penampilan di media utama termasuk surat khabar, televisyen dan radio melalui penulisan dan perkongsian kepakaran beliau. Beliau telah menerbitkan lebih dari 100 artikel dalam jurnal dan buku dan mengetahui pelbagai geran penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Professor Dr Azmawani dilantik sebagai penulis rasmi kajian kes oleh pelbagai agensi kerajaan dan syarikat di sektor swasta.



## Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah

Ahli Jawatankuasa

**Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah** merupakan Profesor Madya dalam bidang Keusahawanan Dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menerima Ijazah Kedoktoran dalam Keusahawanan dari University of Essex, United Kingdom. Bidang penyelidikannya adalah dalam keusahawanan, perniagaan francais, pengurusan strategik, dan pembangunan PKS. Beliau terlibat dalam lebih 45 projek penyelidikan dan telah menerbitkan dan bersama menulis 26 buah buku serta lebih daripada 90 kertas akademik dalam pelbagai jurnal terpilih dan prosiding. Beliau adalah ahli Lembaga Penasihat/Penyunting bagi Entrepreneurship and Small Business Review (University of Punjab), Journal of Entrepreneurship and Innovation in Emerging Economies (SAGE), Amity Journal of Entrepreneurship (Universiti Amity), dan Global Advances in Business Studies (Universitas Negeri Jakarta), selain menjadi penilai makalah untuk 10 jurnal akademik yang diindeks oleh WOS, Scopus, dan MyCite.

Dr. Hizam telah terlibat dalam industri francais sejak tahun 2000 sebagai perunding & penyelidik serta merupakan Pengerusi Anugerah Francais Malaysia dari tahun 2011 hingga 2014 dan terlibat dalam Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia sebagai Pengerusi pada tahun 2023.

Selain itu, beliau juga mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam latihan dan pembangunan dalam bidang francais, keusahawanan, dan pengurusan organisasi. Beliau adalah Penilai Kanan bagi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sejak tahun 2004 dan terlibat dalam projek-projek perundingan dengan syarikat-syarikat swasta, universiti swasta, dan agensi kerajaan

Seorang yang gemar membaca dan mengembara, beliau telah menerima 24 anugerah sebagai pensyarah. Selain itu, Dr. Hizam adalah orang Malaysia pertama terpilih sebagai Sarjana Pelawat di The Wharton Business School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat dari Oktober 2015 hingga Oktober 2017. Kini beliau berkhidmat sebagai Timbalan Dekan (Siswazah) di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).





### Amran Abd Hamid

Ahli Jawatankuasa

**Amran Abd Hamid** merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Resepi Arena Sdn Bhd (Penyetpenyet.com). Graduan Diploma dalam Pengajian Perniagaan/Pentadbiran dan Pengurusan dari Insitut Teknologi Mara, meneruskan pengajian beliau dalam Sijil Profesional Dalam Pengajian Perniagaan/ Pentadbiran dan Pengurusan di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Berpengalaman lebih 10 tahun dalam sektor Makanan & Minuman (F&B) dan telah memperkenalkan Resepi Arena Sdn Bhd dengan jenama asalnya Dapur Penyet pada tahun 2010.

Amran juga telah bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan seperti Program Dakwah Orang Asli di Royal Belum, Infaq Rumah orang tua dan anak-anak yatim, Program Transit Gelandangan dan banyak lagi. Di bawah kelolaan beliau, Penyetpenyet.com telah menerima Anugerah Francisor Terbaik 2014 dan Francisor Harapan Terbaik 2015. Beliau juga turut menerima Anugerah Enterprise 50 Awards SME Corps, Anugerah Usahawan Cemerlang Melaka (PUNB) pada tahun 2017 dan Anugerah Personaliti Industri & Usahawan Malaysia (Niaga Times) pada tahun 2019. Amran dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA pada tahun 2022 sehingga sekarang dengan menyandang jawatan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kecil Promosi dan Perhubungan Awam.

### Daniel Sim

Ahli Jawatankuasa



**Daniel Sim**, dilahirkan pada Oktober 1988 di Subang Jaya. Beliau merupakan graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada University Wales Trinity St David, United Kingdom. Memulakan kerjayanya sebagai Jurutera (2012) dan Pengurus Projek (2015) untuk Malaysia Airlines. Pada tahun 2015, Beliau menceburi perniagaan jualan dan pengambilan secara sambilan. Kemudian beliau meninggalkan Malaysia Airlines untuk menjalankan perniagaannya sepenuh masa. Pada 2018, beliau menyertai Cambridge English For Life (CEFL) sebagai Pengurus Pembangunan Francais. Sejak menceburi industri francais, beliau telah berjaya menubuhkan hampir 15 pusat CEFL baharu di seluruh Malaysia.

Sepanjang perkhidmatannya di CEFL, Daniel Sim telah membantu CEFL memenangi beberapa anugerah termasuk Parents's Choice Awards sejak 2019 hingga 2022, Anugerah Francaisi Malaysia Terbaik 2021 serta Anugerah Francisor Terbaik (Perak) di dalam Anugerah Francaisi Malaysia 2022. Daniel turut dicalonkan sebagai finalis di bawah kategori Penulisan Artikel Industri Francais Terbaik. Turut aktif dalam penglibatan aktiviti anjuran MFA, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA pada tahun 2022 sehingga kini.

### Jacky Lim Kheng Aun

Ahli Jawatankuasa



**Jacky Lim Kheng Aun** berasal daripada Pulau Pinang dan dilahirkan pada Jun 1975. Beliau merupakan pengasas dan pengarah kepada Goldlife Marketing Sdn Bhd (MEIKO). Berpengalaman selama lebih 23 tahun dalam pemasaran, 20 tahun dalam pengurusan sistem francais dan 20 tahun dalam strategi penjenamaan. Beliau juga merupakan pengasas dan pelatih untuk Maction Business Academy yang ditubuhkan pada tahun 2019. Beliau telah berjaya menganjurkan lebih 1,000 sesi latihan francais di seluruh Malaysia. Beliau merupakan seorang pelatih yang telah mendapat sijil HRDF dan diiktiraf oleh Britishpedia.

Beliau telah dilantik sebagai Naib Pengerusi JKK Promosi dan Perhubungan Awam pada tahun 2019 dan seterusnya dilantik sebagai Naib Pengerusi JKK Penyelidikan & Pendidikan pada tahun 2022 sehingga kini. Beliau telah dinobatkan sebagai The 100 Most Influential Young Entrepreneurs pada tahun 2019. Antara anugerah lain yang diterima oleh Meiko dan Maction sepanjang kelolaan beliau adalah International Corporate Awards International Brand 2014, Fast Moving Companies Award dalam SME 100 Awards 2015, Nanyang Siang Pau Golden Awards 2015, Sin Chew Business Excellent Awards 2016 dan Malaysia Health & Wellness Brands Awards 2018.

### Joyce See Siok Mee

Ahli Jawatankuasa



**Joyce See Siok Mee** dilahirkan di Ipoh, Perak pada tahun 1985. Beliau kini berkhidmat sebagai Timbalan Pengurus Besar Francais di 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd (7-Eleven), sebuah syarikat runcit terkemuka di Malaysia. Beliau merupakan graduan dalam bidang Pengurusan Hospitaliti dari universiti di Melbourne, Australia pada tahun 2007.

Dengan pengalaman lebih 15 tahun dalam industri Francais dan Pengurusan Makanan & Minuman, beliau telah mengumpulkan kepakaran yang meluas dalam pelbagai industri, termasuk Pendidikan, F&B, pengurusan jenama, lesen produk pengguna, dan Runcit. Tanggungjawab beliau termasuk mengawasi francais dan pengurusan perniagaan, pembangunan dan perluasan pasaran baru, serta operasi kunci. Beliau juga berpengalaman dalam membina sistem francais baru, perancangan strategik perniagaan, dan pembangunan pemasaran.

Selain pencapaian profesionalnya, Joyce kini berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Utama Persatuan Francais Malaysia dan Jawatankuasa Latihan Sektor HRDCorp. Beliau juga memegang beberapa jawatan pengarah dalam beberapa syarikat swasta dan merupakan ahli aktif di Hospital Tung Shin, sebuah hospital tanpa untung terkemuka di Malaysia.



## Neoh Eng Kee

Ahli Jawatankuasa



**Neoh Eng Kee** dilahirkan di Taiping, Perak. Beliau merupakan Peguambela dan Penguamcara di Tetuan Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners dan mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang perundangan. Berkelulusan daripada University of London.

Beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA sejak tahun 2017 sehingga kini. Beliau juga turut aktif dan berkecimpung dalam persatuan lain. Beliau merupakan Penasihat Undang-Undang Persatuan Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga Malaysia (MAATFA), Penasihat dalam Persatuan Rantaian Peruncit Malaysia (MRCA) dan Penasihat dalam Persatuan Farmasi Malaysia (MPS).

## Mazlan Ibrahim

Ahli Jawatankuasa



**Mazlan Ibrahim** merupakan lulusan Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) pada tahun 1993. Memulakan karier beliau dengan Ban Hin Lee Bank pada tahun 1994 sebelum menyertai Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) pada tahun 1995 dan seterusnya bersama Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pada tahun 1998. Lebih 20 tahun, terlibat dalam pembangunan keusahawanan dan perniagaan, pembiayaan dan pelaburan. Pada tahun 2004, beliau telah mengetuai Jabatan Pembangunan Francais yang diamanatkan untuk menjayakan Program Pembangunan Francais (PPF) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUN). Kini, beliau merupakan Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Francais PERNAS yang merangkumi latihan, pembangunan dan pembiayaan francais.

## Terry Lim

Ahli Jawatankuasa



**Terry Lim** merupakan Ketua Pegawai Pemasaran Global Art & Creative Sdn Bhd. Global Art telah berkembang ke lebih 20 negara dengan 600 cawangan dan pendaftaran lebih 1,000,000 pelajar di seluruh dunia. Sejak 2004, Terry Lim telah merekrut lebih daripada 60 francais untuk Global Art. Kepakarannya adalah dalam pembangunan perniagaan, pembinaan pasukan, media dalam talian & sosial, penjualan & pemasaran dan pembinaan rangkaian. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa MFA sejak tahun 2018 dan berkhidmat sebagai Pengerusi JKK Pengurusan Kebangsaan & Antarabangsa. Selain itu, beliau turut terlibat dalam aktiviti perkongsian pengetahuan dan pengalamannya dalam industri francais dan perniagaan di Malaysia juga antarabangsa. Dia telah dijemput untuk menjadi salah satu penceramah dalam latihan francais sejak 2016.

## Wong Jin Nee

Ahli Jawatankuasa



**Wong Jin Nee** dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada tahun 1966. Beliau memperoleh ijazah undang-undang dari Universiti Sydney, Australia dan diterima sebagai Peguambela dan Penguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya pada 1991. Wong Jin Nee ialah salah seorang rakan pengasas Wong Jin Nee & Teo (Firma). Dengan lebih daripada 30 tahun pengalaman berlatih secara eksklusif dalam bidang harta intelek. Beliau juga berkhidmat sebagai Ejen Cap Dagangan, Paten, Petunjuk Geografi dan Ejen Reka Bentuk Perindustrian berdaftar di Malaysia. Selain itu, beliau turut terlibat dalam beberapa badan berkepentingan lain seperti menjadi ahli Tribunal Hak Cipta (2020 – 2023), ahli Lembaga Pemeriksa Ejen Paten (2020-2023), ahli Jawatankuasa IP Majlis Peguam, ahli panel pertikaian nama domain yang dilantik oleh Asia Pusat Timbang Tara Antarabangsa (AIAC), ahli Jawatankuasa Penguatkuasaan INTA (2020-2021), ahli Jawatankuasa Pengkomersialan Jenama INTA (2022-2023), pengerusi bersama Jawatankuasa Kecil Pengiklanan dan ahli GAC INTA, Asia dan pengantara bertaualiah pada panel Pusat Pengantaraan Malaysia (MMC). Jin Nee juga pernah menyandang jawatan Presiden bagi Persatuan Eksekutif Pelesenan Malaysia (2000), Pengerusi Jawatankuasa IP Majlis Peguam yang lalu, dan bekas Ketua Jawatankuasa IPR Dewan Perniagaan EU-Malaysia (kini dikenali sebagai EUROCHAM). Beliau juga merupakan juga merupakan salah satu kumpulan pertama Penilai IP yang dilatih oleh MyIPO dan diperakui oleh World Trade Institute, Switzerland. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA pada tahun 2022 dengan memegang jawatan sebagai Pengerusi, Rundingcara & Kebajikan MFA.





# Tadbir Urus Korporat

MFA ditadbir berdasarkan kepada Prinsip Tadbir Korporat selaras dengan Akta Pertubuhan 1966 dan Undang-Undang Tubuh MFA sejajar dengan fungsi dan tanggungjawabnya untuk mempromosikan imej cemerlang perniagaan francais dan industri francais negara.

## JAWATANKUASA UTAMA

Anggota Jawatankuasa Utama telah diamanahkan dengan tugas dan tanggungjawab untuk membimbing dan memberi panduan kepada pengurusan dalam menjaga kepentingan ahli, pemain industri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

## KOMPOSISI JAWATANKUASA UTAMA

Terdiri daripada anggota-anggota dikalangan Ahli Biasa dan butirannya adalah seperti berikut:

- a) Pengerusi
- b) Dua Naib Pengerusi
- c) Setiausaha Agung
- d) Dua Penolong Setiausaha
- e) Bendahari
- f) Penolong Bendahari
- g) Sebelas orang Ahli Jawatankuasa
- h) Dua Juruaudit Dalaman

Setiap Jawatankuasa Kecil akan dipengerusikan oleh seorang Ahli Jawatankuasa Utama. Ahli-Ahli Jawatankuasa Kecil terdiri daripada beberapa orang Ahli Jawatankuasa Utama di samping beberapa wakil daripada kerajaan, industri atau pun ahli akedemik yang mempunyai kepakaran yang diperlukan secara khusus oleh Jawatankuasa Kecil.

Bagi sesi 2022/2024, keanggotaan Ahli Jawatankuasa Utama terdiri daripada pelbagai kategori keahlian dan sektor perniagaan. Kepelbagaian ini adalah untuk memastikan manfaat keahlian dan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada para ahli, pihak berkepentingan dalam industri dan masyarakat agar MFA terus mampan dalam membangunkan industri francais Malaysia. Kepelbagaian latar belakang Ahli JKU dari sudut kemahiran serta pengalaman perniagaan dan pengurusan organisasi penting untuk memastikan MFA sentiasa cakna dan memahami cabaran dalam perniagaan francais dan seterusnya dapat menjadi suara kepada ahli untuk menyampaikan hasrat industri kepada pihak yang berkepentingan terutamanya pihak kementerian.

## JAWATANKUASA KECIL

Beberapa Jawatankuasa Kecil ditubuhkan bagi memantau dan mengukuhkan pelaksanaan program-program industri serta proses dalaman MFA dan butiran lanjut seperti berikut:

- a) Jawatankuasa Pentadbiran & Kewangan
- b) Jawatankuasa Kecil Pendaftaran & Etika
- c) Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa
- d) Jawatankuasa Kecil Promosi dan Perhubungan Awam
- e) Jawatankuasa Kecil Penyelidikan & Pendidikan
- f) Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan
- g) Jawatankuasa Kecil Rundingcara & Kebajikan
- h) Jawatankuasa Induk Program Franchise International Malaysia (FIM)
- i) Jawatankuasa Induk Program Malam Anugerah Francais (MAF)



## Sumber Manusia



### SEKRETARIAT

Sekretariat MFA terdiri daripada 15 orang kakitangan. Daripada itu, seramai 11 orang terdiri daripada lantikan tetap manakala bakinya seramai 4 orang kakitangan adalah berstatus kontrak. Sekretariat berfungsi untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti yang bermanfaat kepada ahli-ahli, pemain industri dan masyarakat.

NAMA	JAWATAN
1. Zuraida Jomri	Ketua Eksekutif
2. Mohd Faizal Abd Latip	Timbalan Pengurus Besar, Perhubungan Korporat
3. Abdullah Abu	Timbalan Pengurus Besar, Pembangunan Program dan Operasi
4. Siti Khadijah Mohd	Pengurus Kanan, Kewangan
5. Norhadi Md Yusof	Pengurus, Teknologi Maklumat & Komunikasi
6. Mohd Rithauddin Abd Aziz	Pengurus, Pengurusan Acara
7. Nurul Ain Mohamad	Pengurus, Perhubungan Awam
8. Nabila Syaffi Roslan	Pengurus, Hal Ehwal Keahlian
9. Muhammad Najib Ramli	Penolong Pengurus, Promosi dan Rekaan Kreatif
10. Bayani Salihah Ibrahim	Penolong Pengurus, Pentadbiran & Sumber Manusia
11. Nurizzatul Faiqah Rohaizat	Penolong Pengurus, Pembangunan Program & Perhubungan Antarabangsa
12. Siti Syamim Dzulkifli	Pengurus, Program Latihan Korporat
13. Sheilla Afiqah Ab. Rahim	Penolong Pengurus, Perakaunan
14. Muhammad Adam Abdul Jaffar	Penolong Pengurus, Pembangunan Program & Projek Domestik
15. Logarasan A/L Anbaran	Pelatih Pengurusan, Pembangunan Program dan Operasi



## Pasukan Sekretariat




- 1 - Zuraida Jomri
- 2 - Mohd Faizal Abd Latip
- 3 - Abdullah Abu
- 4 - Siti Khadijah Mohd
- 5 - Norhadi Md Yusof
- 6 - Mohd Rithauddin Abd Aziz
- 7 - Nurul Ain Mohamad
- 8 - Nabila Syaffi Roslan
- 9 - Muhammad Najib Ramli
- 10 - Bayani Salihah Ibrahim
- 11 - Nurizzatul Faiqah Rohaizat
- 12 - Siti Syamim Dzulkifli
- 13 - Sheilla Afiqah Ab. Rahim
- 14 - Muhammad Adam Abdul Jaffar
- 15 - Logarasan A/L Anbaran





## Statistik Keahlian




### BILANGAN AHLI MENGIKUT JENIS

KATEGORI	JENIS KEAHLIAN	BILANGAN
Ahli Biasa	Francaisor	218
	Francaisi Induk	15
	Francaisi	78
	Institusi Sokongan	27
Ahli Bersekutu	Bakal Francaisor	126
	Bakal Francaisi Induk	20
	Bakal Francaisi	33
	Institusi Sokongan	30
	Ahli Bergabung	1
Ahli Pelajar		14
Ahli Antarabangsa		5
Ahli Kehormat		8
<b>JUMLAH</b>		<b>575</b>




# Carta Organisasi





# MFA Sepintas Lalu







## Ringkasan Kewangan

PENDAPATAN

**RM5.18 JUTA**  
2021 | RM3.68 JUTA

LEBIHAN PENDAPATAN  
**RM0.113 JUTA**  
2021 | RM0.06 JUTA

DANA TERKUMPUL  
**RM1.39 JUTA**  
2021 | RM1.27 JUTA

Prestasi kewangan Persatuan Francais Malaysia (MFA) secara keseluruhannya mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, dengan kenaikan lebih pendapatan sebanyak 88%.

Peningkatan prestasi ini disokong oleh peningkatan jumlah pelaksanaan aktiviti kursus & latihan, program acara dan program secara kerjasama dengan pihak kementerian. Sejumlah aktiviti yang telah disusun dan direncanakan bagi merancakkan kembali industri francais selepas penurunan pandemik Covid-19 berjaya dilaksanakan merangkumi program libat urus dan aktiviti bagi mempromosikan industri francais di Malaysia dengan sokongan dan kerjasama daripada pihak kerajaan.

### Dana Terkumpul

Dana terkumpul MFA meningkat kepada RM1.40 juta berbanding RM1.27 juta pada tahun sebelumnya dan ini menunjukkan kewangan MFA berada pada tahap yang lebih baik berbanding tahun 2021.

### RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 5 TAHUN

(Dalam RM' Juta)

	2022	2021	2020	2019	2018
<b>Pendapatan</b>	5.18	3.68	2.15	5.75	4.95
<b>Perbelanjaan</b>	5.07	3.62	2.50	5.59	4.82
<b>Lebihan / (Kurangan)</b>	0.11	0.06	-0.35	0.16	0.13
<b>Dana Terkumpul</b>	1.39	1.27	1.21	1.57	1.41
<b>Hartanah, Loji dan Peralatan</b>	0.35	0.40	0.50	0.40	0.07
<b>Aset Semasa</b>	4.22	8.93	3.30	4.20	5.00
<b>Liabiliti Semasa</b>	3.18	8.08	2.59	2.99	3.67
<b>Aset Semasa Bersih</b>	1.04	0.85	0.71	1.21	1.33
<b>Aset Bersih</b>	1.39	1.25	1.21	1.61	1.40





## Laporan Program & Aktiviti

- Keterlibatan dengan Industri
- Pengurusan Acara & Program Latihan
- Sokongan Keahlian
- Program Kerjasama
- Program Promosi & Pengiklanan





# Keterlibatan Dengan Industri

## Sesi Keterlibatan bersama Ahli

Program ini merupakan salah satu program utama keahlian yang bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada ahli berkaitan perkembangan terkini pemiagaan ahli, berkongsi aktiviti terkini MFA disamping untuk mencipta perhubungan yang lebih mesra dan erat di antara pasukan MFA dengan pasukan ahli.

Aktiviti ini dilaksanakan sama ada di Pejabat MFA atau Pejabat Ahli pada tahun sebelum ini. Aktiviti ini dilaksanakan secara fizikal dan juga atas talian bagi ahli yang berada di luar Lembah Klang.

Pada tahun 2022, sebanyak 34 program telah diadakan kepada ahli MFA. Antara maklumbalas yang diterima daripada ahli semasa program ini berlangsung adalah perkongsian berkenaan cabaran yang dihadapi dalam situasi ekonomi semasa, sokongan Perniagaan dan perkongsian pengalaman daripada ahli dalam mengekalkan perniagaan. Antara sokongan yang telah diberikan oleh MFA ke atas cabaran ini adalah dengan memberi sokongan perniagaan melalui aktiviti yang dianjurkan oleh MFA dan memanjangkan cadangan ini kepada pihak Kementerian yang terlibat.

Pada tahun 2022, sebanyak 39 keahlian baru telah diluluskan yang terdiri daripada 10 Francaisor, 1 Francaisi, 1 Institusi Sokongan, 23 Bakal Francaisor dan 4 Bakal Institusi Sokongan. Berlaku peningkatan pengambilan ahli baru sebanyak 56% berbanding 29% pada tahun 2021. Hal ini berlaku di atas faktor pembukaan semula ekonomi setelah dua tahun terkesan daripada pandemik Covid-19.

### Lokasi

28 Pejabat/ Outlet Ahli  
6 Aplikasi Zoom

### Pelaksana

JKK Pendaftaran & Etika (RET)

### Pengerusi

Neoh Eng Kee (RET)

### Naib Pengerusi

Daniel Sim (RET)

### Ahli-Ahli

Deric Yeo  
Zuraida Jomri  
Abdullah Abu  
Nabila Syaffi Roslan

## Tarikh dan Nama Syarikat

9 Jan 2022	: Hc Duraclean Sdn Bhd (OFO)	23 Jun 2022	: Cleanpro Sdn Bhd (OFO)
28 Jan 2022	: QC Group Sdn Bhd (OFO)	25 Jun 2022	: City Coin Laundry Sdn Bhd (OFO)
27 Jan 2022	: D.B.E Poultry Sdn Bhd (AFO)	1 Jul 2022	: Genius Aulad International Group Sdn Bhd (OFO)
6 Feb 2022	: Mohd Latip & Associates (OSI)	1 Jul 2022	: Innergia Labs Sdn Bhd (AFO)
24 Feb 2022	: Catzonia Sdn Bhd (OFO)	4 Ogos 2022	: Harta Maintenance Sdn Bhd (OFO)
6 Mac 2022	: Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (OSI)	9 Ogos 2022	: Seoul Garden (OFE)
12 Mac 2022	: Chatime Malaysia Sdn Bhd (OMF)	9 Okt 2022	: Kluang Station F&B Sdn Bhd (OFO)
17 Mac 2022	: Smart Excess Trading Sdn Bhd (AFO)	9 Okt 2022	: Resepi Arena Sdn Bhd (OFO)
18 Mac 2022	: Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd (OMF)	9 Okt 2022	: Atfah Sdn Bhd (OFO)
9 April 2022	: Brickforest Sdn Bhd (OFO)	9 Okt 2022	: Teh Tarik Place Sdn Bhd (OFO)
12 April 2022	: Eastern Biotech Resources Sdn Bhd (OFO)	9 Okt 2022	: Santan Restaurant Sdn Bhd (OFO)
14 April 2022	: Yapeim Smart Venture Sdn Bhd (OFO)	9 Okt 2022	: Kopitiam Asia Pacific (M) Sdn Bhd (OFO)
18 April 2022	: SNS Network (M) Sdn Bhd (OFO)	14 Okt 2022	: Potato Corner (AIM)
27 May 2022	: Deemcee Sdn Bhd (AFO)	15 Okt 2022	: Loob Holding Sdn Bhd (OFO)
30 May 2022	: Goldlife Marketing Sdn Bhd (OFO)	16 Dis 2022	: Boat Noodle Sdn Bhd (OFO)
16 Jun 2022	: Bubblebee Sdn Bhd (OFO)	16 Dis 2022	: City Coin Laundry Sdn Bhd (OFO)
		20 Dis 2022	: Resepi Arena Sdn Bhd (OFO)



## Sesi Keterlibatan bersama Potensi Ahli

Program ini merupakan salah satu program utama keahlian yang bertujuan untuk merekrut keahlian baru dan mempromosikan peranan dan aktiviti MFA kepada organisasi lain disamping mewujudkan hubungan mesra di kalangan pihak industri.

Aktiviti ini dilaksanakan sama ada di Pejabat MFA atau Pejabat Ahli pada tahun sebelum ini. Aktiviti ini dilaksanakan secara fizikal dan juga atas talian bagi ahli yang berada di luar Lembah Klang.

Pada tahun 2022, sebanyak 19 program telah diadakan kepada potensi ahli. Antara perkongsian daripada program ini adalah tatacara untuk menjadi franchisor, proses pendaftaran francais, manfaat dan proses keahlian MFA, aktiviti anjuran MFA serta maklumat francais secara umum.

### Tarikh dan Nama Syarikat

8 Feb 2022	: Kenduri Palace (AFO)	19 Jul 2022	: PKF Tax Advisory Sdn Bhd (ASI)
24 Feb 2022	: Bubble Bee Sdn Bhd (OFO)	28 Jul 2022	: Z City
24 Feb 2022	: Catzonia Sdn Bhd (OFO)	13 Okt 2022	: Koperasi Perintis Telok Dagang Selangor Berhad (KPTD) (ASI)
25 Mac 2022	: Kuala Lumpur City College (ASI)	28 Okt 2022	: PMA Rich (M) Sdn Bhd (AFO)
8 April 2022	: Aleovar Consulting Sdn Bhd (ASI)	31 Okt 2022	: Merchantrade (ASI)
9 Mei 2022	: Sim Educare & Learning Sdn Bhd (OFO)	8 Nov 2022	: DaporLah (AFO)
26 Mei 2022	: Kuala Lumpur City College (ASI)	9 Dis 2022	: Infinex Solutions Asia Consultancy Sdn Bhd (AFO)
20 Jun 2022	: Seers Marketing Sdn Bhd (AFO)		
20 Jun 2022	: QSolve		
1 Jul 2022	: Innigeria Labs		
12 Jul 2022	: Slim Beauty House Co., Ltd (AFO)		
18 Jul 2022	: MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd (ASI)		

### Lokasi

18 Pejabat/ Outlet Potensi Ahli  
1 Aplikasi Zoom

### Pelaksana

JKK Pendaftaran & Etika (RET)

### Pengerusi

Neoh Eng Kee (RET)

### Naib Pengerusi

Daniel Sim (RET)

### Ahli-Ahli

Deric Yeo  
Zuraida Jomri  
Abdullah Abu  
Nabila Syaffi Roslan

## Kunjungan Hormat

Sepanjang tahun 2022, dua (2) kunjungan hormat telah diadakan bagi menjalinkan hubungan erat serta bertukar pandangan mengenai perkembangan semasa industri francais dan cadangan kerjasama yang akan diadakan kelak.

### Kementerian Belia & Sukan (KBS)

MFA telah membuat kunjungan hormat kepada YBrs Puan Ramona Mohd Razali Menteri, Timbalan Ketua Strategik, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDS) pada 29 Julai 2022 di Putrajaya. Pertemuan ini adalah bertujuan untuk berkongsi berkenaan perkembangan terkini industri francais dan peranan MFA dalam membangunkan industri francais di Malaysia. Selain itu, turut diadakan perbincangan berkenaan bentuk kerjasama atau aktiviti-aktiviti yang dapat dilaksanakan oleh MFA dan KBS. Hasil daripada kunjungan ini adalah pihak KBS bersetuju untuk menjalin kerjasama bersama MFA dalam menyediakan platform latihan kepada belia di bawah KBS serta mempromosikan program anjuran MFA melalui platform hebahannya. Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh Setiausaha Agung MFA, Deric Yeo.

**Lokasi :** Putrajaya

### Pelaksana:

JK Pentadbiran

### Pengerusi

Deric Yeo

### Naib Pengerusi

Khalek Awang

### Ahli-Ahli

Zuraida Jomri  
Norhadi Md Yusof  
Bayani Salihah Ibrahim

### Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Kunjungan hormat seterusnya adalah kepada Ketua Setiausaha KPDN, Ybhg. Datuk Azman Mohd Yusof pada 14 September 2022 bertempat di Putrajaya. Kunjungan ini berfokuskan kepada perbincangan dan bertukar pandangan berhubung perkembangan industri francais di Malaysia. Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan.





## Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-27

Program ini merupakan aktiviti tahunan MFA dan diadakan bertujuan untuk membentangkan aktiviti tahun sebelumnya, meluluskan penyata kewangan teraudit bagi tahun sebelumnya, membincangkan dan meluluskan usul dan pindaan Undang-Undang Tubuh serta melantik Juruaudit Dalam MFA.

Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-27 telah diadakan pada 28 Jun 2022 bertempat di World Trade Centre (WTC), Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh 76 wakil ahli. Laporan Kemajuan Aktiviti tahun 2022 dan Laporan Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah dibentangkan dan diterima oleh Ahli Mesyuarat. Pada mesyuarat tersebut, En. Shahril Yusri Abdul Rahman dari Genius Aulad International Group Sdn Bhd telah dilantik sebagai Juruaudit Dalam bagi sesi 2022/2024 dan Mesyuarat telah sebulat suara untuk memberi mandat kepada Ahli Jawatankuasa Utama untuk melantikan satu (1) lagi Juruaudit Dalam. Laporan Kemajuan Aktiviti tahun 2022 dan Laporan Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah dibentangkan dan diterima oleh Ahli Mesyuarat. Pada Mesyuarat tersebut, pemilihan Ahli Jawatankuasa Utama sesi 2022/2024 telah dilaksanakan dan senarai ahli Jawatankuasa bagi sesi 2022/2024 adalah seperti berikut:

**Tarikh :** 28 Jun 2022

**Lokasi :** World Trade Centre (WTC)

**Kehadiran :** 76 ahli

**Pelaksana :**  
JK Pentadbiran

**Pengerusi :**  
Deric Yeo

**Naib Pengerusi :**  
Khalek Awang

**Ahli-Ahli :**  
Zuraida Jomri  
Norhadi Md Yusof  
Bayani Salihah Ibrahim

**Pengerusi :** Datuk Dr Radzali Hassan  
**Naib Pengerusi :** Dato' Zahriah Abdul Kadir  
**Naib Pengerusi :** Mohamad Shukri Salleh  
**Setiausaha Agung :** Deric Yeo Chin Lee  
**Penolong Setiausaha :** Kairul Azman Mohd Yusof  
**Penolong Setiausaha :** Khalek Awang  
**Bendahari Agung :** Ramilan Abdul Rahman  
**Penolong Bendahari :** Paul Ang Beng Teck  
**Ahli Jawatankuasa :** Dato Rohaizi Bahari  
 Mazlan Ibrahim  
 Amran Abdul Hamid

**Ahli Jawatankuasa :** Daniel Sim Lim Kit  
 Jacky Lim Kheng Aun  
 Joyce See Siok Mee  
 Neoh Eng Kee  
 Terry Lim  
 Wong Jin Nee  
 Prof Dr. Azmawani Abd Rahman  
 Prof Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah  
**Juruaudit Dalam :** Shahril Yusri Abdul Rahman  
 Hairulliza Zaiton

## Mesyuarat World Franchise Council (WFC) dan Mesyuarat Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)

WFC merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada 48 Persatuan Francais seluruh dunia yang telah ditubuhkan pada tahun 1994. Tujuan penubuhannya adalah bagi menyediakan forum untuk bertukar pengalaman, maklumat dan pandangan dalam industri francais di Negara masing-masing di samping meningkatkan saluran komunikasi di antara setiap ahli persatuan. MFA telah menganggotai WFC sejak tahun 1998 dan pernah dilantik sebagai Sekretariat Legal Affair untuk sesi 2013 sehingga 2015.

APFC merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada Persatuan Francais di sekitar Asia Pasifik dan telah ditubuhkan pada tahun 1998. Tujuan penubuhannya adalah bagi menyediakan forum untuk bertukar pengalaman, maklumat dan pandangan dalam industri francais di Negara masing-masing di samping meningkatkan saluran komunikasi di antara setiap ahli persatuan. Penubuhan APFC ini telah didaftarkan di Pendaftar Pertubuhan di Malaysia. MFA telah menganggotai APFC sejak 1998 dan pernah dilantik sebagai Sekretariat pada tahun 1998 sehingga tahun 2014. MFA juga dilantik sebagai Bendahari APFC dari tahun 2009 sehingga kini.

**Tarikh :** 18- 23 Oktober 2022

**Tempat :** Seoul, Korea Selatan

**Pelaksana :**  
JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa

**Pengerusi :**  
Terry Lim

**Naib Pengerusi :**  
Joyce See  
Prof. Dr. Azmawani Abdul Rahman

**Ahli-ahli :**  
Zuraida Jomri  
Mohd Faizal Abd Latip  
Nurizzatul Faiqah Rohaizat

Bagi tahun 2022, mesyuarat WFC & APFC telah diadakan pada 18 – 23 Oktober 2022 di Seoul, Korea Selatan. Antara agenda yang dibincangkan pada mesyuarat kali ini ialah:-



- Kemas Kini dan Trend Pasaran Francais di Setiap Negara
- Cadangan Pindaan Perlembagaan APFC
- Pelantikan Sekretariat APFC untuk Tahun 2023
- Pembentangan Negara Hos untuk Mesyuarat WFC & APFC Tahun 2023
- Penyataan Minat untuk Menjadi Hos Mesyuarat APFC 2024 dan 2025

Untuk makluman, MFA juga telah menyatakan hasrat dan minat untuk menjadi hos bagi Mesyuarat WFC & APFC bagi tahun 2024. Wakil MFA pada mesyuarat tahun 2022 ialah seperti berikut:-

- YBhg. Datuk Dr. Radzali Hasan (Pengerusi)
- En. Deric Yeo (Setiausaha Agung)
- En. Mohd Faizal Abd Latip (Sekretariat)

## Keterlibatan dengan Media

Lawatan ke media dilaksanakan untuk membincangkan kerjasama dengan pihak media dalam mempromosikan aktiviti tahunan MFA serta menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak media. Hasil daripada aktiviti ini, MFA telah mendapatkan pakej harga terbaik untuk mempromosikan aktiviti anjuran MFA. Antara kerjasama yang dilaksanakan adalah sesi temu bual, iklan dan liputan acara.

Pada tahun 2022, MFA telah mendapat kerjasama dan komitmen daripada pelbagai saluran media dalam mempromosikan aktiviti MFA dan industri francais. Sebanyak 199 liputan berita daripada 85 saluran media mengenai francais, aktiviti ahli dan MFA telah disiarkan sepanjang tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti di Jadual di bawah.

### Platform Media Cetak / Media Digital

Ansar News	Malaysiannews TV
Astro Awani	Manila Buletin
Bakemag.com	Media Variasi
Berita Harian	MSN News
Berita RTM	Nation's Restaurant News
Beritakini	New Straits Times
Bernama	Niaga Times
Buletin FM	Review Bakasi
Dagangnews.com	Sarawak Tok
Daily Express	Selangor Kini
Daily TV	Siakap Keli
Dayak Daily	Sinar Harian
Digital Journal	SME Magazine Asia
Edisi 9	Suara Merdeka
Esklusifmalysiabol	The Boneo Post
Free Malaysia Today	The Edge Markets
Harakah Daily	The Kuala Lumpur Grid
Harian Metro	The Malaysian Insight
Head Topics United Kingdom	The Malaysian Reserve
Huraian Pena	The Peninsular
Inquirer.Net	The Star
Inside Retail	The Sun Daily
Kabar6.com	TV Sarawak
Korea Joong Ang Daily	Utusan Borneo
Kosmo!	Utusan Malaysia
Liputan Kota	VocketFC

### Objektif :

Untuk membincangkan kerjasama dengan pihak media dalam mempromosikan aktiviti tahunan MFA serta menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak media

### Pelaksana:

JKK Promosi & Perhubungan Awam

### Pengerusi

Amran Abd Hamid

### Naib Pengerusi

Kairul Azman Mohd Yusoh

### Ahli-Ahli

Zuraida Jomri  
Abdullah Abu  
Rithauddin Abdul Aziz  
Nurul Ain Mohamad  
Najib Ramli

### Platform Media Cetak / Media Digital

M Star	VocketFC
Majoriti	Vulcan Post
Malaymail	World News
Malaysia Aktif	Asiawide Franchise
Malaysia Gazette	Business Today
Malaysiakini	Top 10 of Malaysia
Malaysia Sejahtera	SME Magazine
Malaysian Daily News	SLPR Solutions
China Press	Nanban

### Platform Media Elektronik

Bernama Radio	Johor.fm
Bernama TV	Klasik.fm
BFM Radio	Nasional.fm
BH TV	Pahang.fm
Bicara Naratif	Ai fm
Biz Malaysia	Sinar.fm
Selamat Pagi Malaysia	Terengganu.fm
Buletin Utama	Hot.fm
Buletin TV3	17



## Keterlibatan dengan Kementerian dan Agensi

### Lembaga Penasihat Francais (LPF) di bawah KPDN

MFA merupakan urusetia kepada Lembaga Penasihat Francais di bawah KPDN. Lembaga Penasihat Francais hendaklah menasihati Menteri dan Pendaftar mengenai perkara-perkara berkait rapat dengan francais, pentadbiran dan penguatkuasaan wajar undang-undang yang berhubung dengan francais. Mesyuarat Lembaga Penasihat Francais Bil.1/2022 telah dilaksanakan pada 17 Mei 2022 bertempat di Majestic Hotel, Kuala Lumpur. YB Timbalan Menteri KPDN, Datuk Rosol bin Wahid telah mempengerusikan mesyuarat ini dan antara agenda mesyuarat ialah Pembentangan Kertas Bil. 1/1/2022: "Senario Perniagaan Francais Masa Kini - Restart" oleh MFA, Pembentangan Kertas Bil. 2/1/2022: "Lanskap Kewangan Industri Francais" oleh PERNAS dan Pembentangan Kertas Bil. 3/1/2022: "Cadangan Halatuju Baharu Peruntukan Bantuan Kewangan Francais di Pernas" oleh Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL), KPDN.

### Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais (JSPF) di bawah PERNAS

MFA telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Francais di bawah kelolaan PERNAS. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh En. Jamil Busrah selaku Ketua Pembiayaan Perniagaan, PERNAS. Ahli-ahli JSPF ini terdiri daripada PERNAS, KPDN, Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP) serta MFA. Butiran lanjut mengenai mesyuarat yang telah dihadiri oleh MFA adalah seperti di bawah:-

Perkara	Tarikh
Mesyuarat Ke-33 ( Bil.1/2022 )	14 Februari 2022
Mesyuarat Ke-34 ( Bil.2/2022 )	22 April 2022
Mesyuarat Ke-35 ( Bil.3/2022 )	22 Jun 2022

## Keterlibatan dengan Kementerian

### Bengkel MyFex 2.0 Bersama Industri

MFA dan ahli telah dijemput untuk menghadiri bengkel MyFex 2.0 di KPDN pada 17 Februari 2022. Bengkel anjuran Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada pengguna kelak terutamanya pemain industri yang perlu membuat pendaftaran semula ke dalam sistem MyFex 2.0 yang baharu. Bengkel ini telah melibatkan 11 penyertaan daripada ahli MFA.

Mesyuarat Bersama Pemain Industri Francais Mengenai Hala Tuju Pendaftaran Francais Dan Pengawal Seliaan Industri Francais

MFA telah menghadiri Mesyuarat Pemain Industri Francais Mengenai Hala Tuju Pendaftaran Francais Dan Pengawal Seliaan Industri Francais yang telah dilaksanakan pada 18 Mac 2022 secara atas talian Zoom. Antara perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat ini adalah mengenai Akta Francais Pindaan 2020 serta Pindaan Peraturan Francais yang akan dikuatkuasakan.

Sesi Libat Urus Industri Francais Bersama Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

MFA bersama-sama ahli telah menyertai satu sesi libat urus yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL),

### Objektif :

Sebagai salah satu usaha MFA untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan francais adalah dengan memberikan cadangan, maklumbalas dan bekerjasama dengan pelbagai Kementerian, agensi kerajaan dan pihak swasta bagi mendedahkan dan menangani isu-isu berkaitan perniagaan francais dan eko-sistem francais.

### Pelaksana:

JKK Pembangunan Perniagaan

### Pengerusi

Dato' Zahriah Abd Kadir

### Naib Pengerusi

Paul Ang

### Ahli – ahli

Deric Yeo  
Zuraida Jomri  
Mohd Faizal Abd Latip  
Abdullah Abu  
Nurizzatul Faiqah binti Rohaizat  
Muhammad Adam Abdul Jaffar

### Program/ Aktiviti

Keterlibatan dengan Kementerian

### Objektif:

Sebagai salah satu usaha MFA untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan francais adalah dengan memberikan cadangan, maklumbalas dan bekerjasama dengan pelbagai Kementerian, agensi kerajaan dan pihak swasta bagi mendedahkan dan menangani isu-isu berkaitan perniagaan francais dan eko-sistem francais.

### Pelaksana

JKK Pendaftaran & Etika

### Pengerusi

Neoh Eng Kee

### Naib Pengerusi

Daniel Sim

### Ahli-Ahli

Deric Yeo  
Zuraida Jomri  
Abdullah Abu  
Nabila Syafifi Roslan



KPDN pada 23 November 2022. Program ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi hubungan di antara Kementerian dengan penggiat industri khususnya dalam meningkatkan pemahaman mengenai pindaan Akta Francais 1998 [Akta 590] yang telah diwartakan termasuk Peraturan-Peraturan di bawah akta yang sama. Ia juga dilihat sebagai langkah proaktif BPFJL bagi memastikan penggiat industri mengetahui obligasi dan hak semua pihak yang terlibat sepertimana peruntukan akta serta peraturan yang dikuatkuasakan oleh KPDN seterusnya mengurangkan isu ketidapatuhan akta.

### Majlis Penyerahan Sijil Kelulusan Pendaftaran Francais Disember 2022

MFA telah menghadiri sesi penyerahan sijil kelulusan Pendaftaran Francais pada 9 Disember 2022 di Dewan Serbaguna, KPDN. Sijil telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Azman Mohd Yusof.

### Keterlibatan dengan Agensi

#### Mesyuarat bersama Ketua Eksekutif Perbadanan Nasional Berhad (Pernas)

MFA telah dijemput ke Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan bersama Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) sebanyak enam (6) kali untuk tahun 2022. Mesyuarat ini adalah bertujuan untuk menilai kelayakan pinjaman PERNAS kepada syarikat terlibat. Mesyuarat telah diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh	Aktiviti
14 Februari 2022	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Ke 32 (Bil.01/2022)
22 April 2022	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Ke 34 (Bil.02/2022)
22 Jun 2022	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Ke 35 (Bil.03/2022)
2 September 2022	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Ke 36 (Bil.04/2022)
14 Oktober 2022	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Ke 37 (Bil.05/2022)
9 Disember 2022	Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Penarafan Ke 38 (Bil.06/2022)

#### Objektif :

Sebagai salah satu usaha MFA untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan francais adalah dengan memberikan cadangan, maklumbalas dan bekerjasama dengan pelbagai Kementerian, agensi kerajaan dan pihak swasta bagi mendedahkan dan menangani isu-isu berkaitan perniagaan francais dan eko-sistem francais.

#### Pelaksana:

JKK Pendaftaran & Etika

#### Pengerusi

Neoh Eng Kee

#### Naib Pengerusi

Daniel Sim

#### Ahli – ahli

Deric Yeo  
Zuraida Jomri  
Abdullah Abu  
Nabila Syafifi Roslan







Potato Corner

WORLD'S BEST FLAVORED FRIES



Engagement Session  
Info Sharing

AN HARTA INTELEK MALAYSIA

IPO

TEK MALAYSIA  
OF MALAYSIA

DAM HOLDING

HC Duraclean  
It's not clean until it's HC Duraclean

ATUAN FRANCAIS MALAYSIA  
MFA  
MALAYSIA FRANCAIS MALAYSIEN

FIA

2



## Program Kerjasama

### Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport (EFDP)

MFA dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport. MFA merupakan badan pelaksana bagi program EFDP sejak tahun 2015. MFA telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi melaksanakan semua aktiviti yang telah dirancang.

#### Mesyuarat Franex

Mesyuarat Jawatankuasa Franchise Export (FRANEX) telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2022.

Jawatankuasa Franchise Export (FRANEX) ini dianggotai oleh tujuh (7) organisasi iaitu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Persatuan Francais Malaysia (MFA), Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) dan juga Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO).

Mesyuarat Jawatankuasa Franchise Export (FRANEX) Bil 1/2022 dan Bil 2/2022 telah diadakan secara atas talian melalui aplikasi Zoom pada 14 Mac 2022 dan 7 Julai 2022, manakala Mesyuarat Bil. 3/2022 dan Bil.4/2022 pula diadakan di Bilik Bunga Raya, KPDN. Antara agenda mesyuarat pada kali ini ialah Pembentangan Status Peroleh EFDP oleh BPFJL, Pembentangan Status Program Pengantarabangsaan Francais 2022 dan Cadangan Program untuk Tahun 2023 serta Pembentangan Pameran dan Persidangan Franchise International Malaysia 2022 (FIM2022). MFA telah diwakili oleh Datuk Dr. Radzali Hassan, Zuraida Jomri, Mohd Faizal Abd Latip, Abdullah Abu dan Nurizzatul Faiqah Rohaizat.

#### Padanan Perniagaan : Specialized Business Mission (SBM)

SBM di Jeddah bermula pada 8 – 9 Mei dan bertempat di Hotel Le Meridien, Jeddah, Arab Saudi. Antara aktiviti semasa program SBM ini berlangsung adalah seperti Program Pembentangan Perniagaan (Business Presentation) dan Padanan Perniagaan (Business Matching) yang melibatkan syarikat-syarikat francais yang menyertai bagi mendapatkan pelabur tempatan di Arab Saudi. Ini juga adalah lanjutan dari susulan program MyDigiFex sebelum ini telah mendapat prospek dan leads dari program yang dilaksanakan.

Sehubungan itu, SBM di Sarajevo, Bosnia telah berjaya diadakan pada 11 – 12 Mei 2022 bertempat di Hotel Hills. Illidza, Sarajevo, Bosnia. Pihak MFA juga telah mendapat jemputan dari Bosnia Bank International (BBI) bagi menyertai program Sarajevo Business Forum. Antara aktiviti semasa SBM di Sarajevo adalah seperti SBF Business Presentation & Business Pitching dan sesi Roundtable Discussion With Bank Of Bosnia International (BBI).

Sebanyak 5 jenama tempatan telah menyertai program ini iaitu:

- 1) Siti Khadijah
- 2) Genius Aulad
- 3) Cheeseu
- 4) US Pizza
- 5) CIC Where Leaders Are Born

#### Sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa

Sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa diadakan untuk berkongsi maklumat pasaran, maklumat kemasukan perniagaan francais dan maklumat lain yang berkaitan mengenai negara yang akan dikunjungi semasa Misi Perdagangan Antarabangsa. Dua (2) sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa telah dilaksanakan pada 14 Julai 2022 dan 27 Julai 2022 secara atas talian untuk Indo Cina, Indonesia dan Filipina.

Program adalah berkonsepkan forum yang terdiri daripada panel jemputan yang berkemahiran di dalam topik yang diketengahkan. Panel terdiri daripada wakil MATRADE, wakil syarikat francaisor dan konsultan.

#### Objektif :

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membantu para francais tempatan mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa. Di samping untuk membina keupayaan untuk membangunkan francais ke pasaran antarabangsa.

#### Pelaksana:

JKK Pembangunan Perniagaan

#### Pengerusi

Dato' Zahriah Abd Kadir

#### Naib Pengerusi

Paul Ang

#### Ahli – ahli

Deric Yeo  
Zuraida Jomri  
Mohd Faizal Abd Latip  
Abdullah Abu  
Nurizzatul Faiqah binti Rohaizat  
Muhammad Adam Abdul Jaffar



## Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport (EFDP)

### Misi Perdagangan

MFA telah menyertai misi perdagangan antarabangsa di negara maju dan negara ASEAN bersama beberapa jenama francais terkemuka tempatan. Maklumat misi perdagangan tersebut adalah seperti di bawah:

#### a) Negara Maju

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke Johannesburg, Afrika Selatan bersempena Africa's Big 7 2022 yang diadakan pada 19 – 21 Jun 2022 di Gallagher Convention Centre. Delegasi Misi Perdagangan ke Afrika ini telah diketuai oleh YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof. Sebanyak 5 syarikat telah menyertai misi pada kali ini dan butiran lanjut adalah seperti jadual di bawah:-

Syarikat	Jenama
1. Cheeseu Bistro Sdn Bhd	CheeseU
2. CIC International Incorporated	CIC Where Leaders Are Born
3. Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	OldTown White Coffee
4. Pandan Utama Sdn Bhd	Procleaners
5. QC Group Sdn Bhd	Home Math Therapy

#### b) Negara ASEAN

MFA bersama KPND telah menyertai Misi Perdagangan ke dua (2) buah negara ASEAN iaitu Indonesia dan Filipina. Butiran lanjut bagi Misi Perdagangan ke Negara ASEAN adalah seperti di bawah:-

### Indonesia

#### Pameran International Franchise & Business Concept Expo & Conference (IFRA)

Tarikh : 5-7 Ogos 2022

Tempat : Convention Centre, Jakarta, Indonesia

Syarikat	Jenama
1. Permodalan Kelantan Berhad (PKB)	Ar-Rahn
2. City Coin Laundry Sdn Bhd	Laundrybar
3. Marrybrown Sdn Bhd	Marrybrown
4. Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Oldtown White Coffee
5. My US Pizza Bhd	US Pizza
6. Bubblebee Sdn Bhd	Bubblebee
7. QC Group Sdn Bhd	HOME Math Therapy
8. Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd	Siti Khadijah
9. Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	Smart Reader Kids
10. Little Caliph International Sdn Bhd	Little Caliph
11. Genius Aulad International Group Sdn Bhd	Genus Aulad
12. Roasters Asis Pacific Sdn Bhd	Kenny Rogers Roasters
13. Poney Garments Sdn Bhd	Poney
14. CIC International Incorporated	CIC Where Leaders Are Born





## Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport (EFDP)

### Filipina

#### Pameran Franchise Asia Philipine 2022 (FAPHL2022),

Tarikh : 14 - 16 Oktober 2022

Tempat : SMX Convention Centre, Manila, Filipina

Syarikat	Jenama
1. QC Group Sdn Bhd	HOME Math Therapy
2. City Coin Laundry Sdn Bhd	Laundrybar
3. Marrybrown Sdn Bhd	Marrybrown
4. Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Oldtown White Coffee
5. My US Pizza Bhd	US Pizza
6. Muzart International Sdn Bhd	Muzart
7. Aloha Training Sdn Bhd	Aloha
8. Cheeseu Bistro Sdn Bhd	Cheeseu




### Malaysia Digital Franchise Expo – MyDIGIFEX

Program **Malaysia Digital Franchise Expo (MyDiGiFex)** yang diwujudkan pada tahun 2020 diteruskan lagi bagi tahun 2022. Program ini telah dilaksanakan melalui platform digital dan MFA telah menerima penyertaan oleh tiga belas (13) buah jenama tempatan dan butirannya adalah seperti jadual di bawah:-

#### Program MyDiGiFex 2022 – Asia Selatan

Tarikh	29 – 31 Mac 2022
Tempat	Secara digital di portal MyDiGiFex
<b>Penyertaan Jenama</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PONEY</li> <li>2. CIC Whre Leaders Are Born</li> <li>3. Marrybrown</li> <li>4. OldTown White</li> <li>5. US Pizza</li> <li>6. CheeseU</li> <li>7. Smart Reader Kids</li> <li>8. Genius Aulad</li> <li>9. Kenny Rogers Roasters</li> <li>10. MyeongDong Topokki</li> <li>11. Tadika A-Z</li> <li>12. Joybean</li> <li>13. Global Art</li> </ol>
<b>Bilangan Leads</b>	<b>2795</b>



### Pengiklanan dan Promosi

Pelbagai liputan media menerusi pengiklanan dan promosi telah dilaksanakan bagi program-program di bawah EFDP untuk menyebarkan program yang dilaksanakan. Selain itu, bahan promosi dan cenderahati juga disediakan kesesuaian aktiviti yang dijalankan.

### Reimbursement Kos Eksport

Bantuan kewangan turut disediakan di bawah program EFDP untuk kegunaan para Francaisor. Permohonan untuk reimbursement dibuka sehingga Disember 2022. Jenis-jenis bantuan yang boleh dimohon adalah bahan pemasaran untuk pameran antarabangsa, Pendaftaran Trademark dan Perjanjian Francais.





## Produktiviti Nexus, Malaysian Productivity Corporation (MPC)

MFA telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Produktiviti Nexus yang bertanggungjawab untuk memberi tumpuan kepada asas pelaksanaan inisiatif produktiviti; bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan seperti badan penyelidikan dan agensi kerajaan dan berkongsi amalan terbaik; memperkenalkan mekanisme bantuan diri; dan menyediakan sokongan teknikal kepada perusahaan.

Antara program kerjasama dan mesyuarat yang dihadiri bagi Jawatankuasa ini pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

**i.** En.Deric Yeo selaku Pengerusi kepada NEXUS Peruncitan dan Makanan & Minuman (RFBPN) telah menghadiri Mesyuarat Pembentangan Aktiviti Bagi 6 Nexus di Bawah Seliaan Bahagian Industri Perkhidmatan (BIP), Unit Perancang Ekonomi (EPU). Mesyuarat ini diadakan pada 3 Mac 2022 dan telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Nor Azmie Diron, Timbalan Ketua Pengarah (Makro) EPU.

**ii.** En. Deric Yeo juga telah menghadiri sesi perbincangan secara atas talian bersama Enterprise Singapore (ESG) pada 12 Mei 2022 untuk membincangkan berkenaan potensi kerjasama yang boleh dilaksanakan bersama syarikat-syarikat daripada Singapura.

**iii.** En. Deric Yeo juga turut menghadiri Perbincangan Mengenai Potensi Kerjasama antara RFBPN dan Taylor's University College pada 12 Mei 2022 bertempat di Taylor's University Lakeside Campus, Subanag Jaya, Selangor. Antara intipati perbincangan tersebut adalah bagaimana kerjasama ini dapat menangani isu produktiviti di peringkat sektor dan perusahaan dengan memanfaatkan kedua-dua organisasi. Model kerjasama Triple Helic ini dijangka membina tenaga kerja sedia industri, mempergiatkan aktiviti R&D dan memaksimumkan penggunaan teknologi dan inovasi untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing subsektor.

**iv.** En. Deric Yeo telah menghadiri Mesyuarat bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato' Sri Mustapa bin Mohamed pada 19 Mei 2022 di Putrajaya. Antara perkara yang dibincangkan pada perbincangan strategik tersebut adalah mengenai strategi meningkatkan produktiviti negara dan bagaimana setiap sektor juga perlu memainkan peranan mereka yang memberi penekanan kepada penggunaan teknologi, peningkatan kemahiran dan bakat semula, persekitaran perniagaan, dan mempunyai pemikiran yang produktif. Setiap inisiatif mesti diterjemahkan kepada peningkatan produktiviti dan daya saing negara.

**v.** En. Deric Yeo telah menghadiri Program "Pekan Rabu Go Cashless: Peningkatan Produktiviti melalui Transaksi Tanpa Tunai" pada 9 Jun 2022. Program ini merupakan inisiatif RFBPN dalam membantu para peniaga melaksanakan aplikasi elektronik yang mampu meningkatkan produktiviti dan pendapatan perniagaan. Program ini bermula dari 7 hingga 9 Jun 2022 dan telah dilancarkan oleh Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Kedah, YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim. Melalui program ini, seramai 276 peniaga Pekan Rabu iaitu 88% daripada jumlah keseluruhan peniaga telah mendaftar kepada platform pembayaran elektronik iaitu melebihi daripada sasaran 80% yang telah ditetapkan. Inisiatif ini akan diteruskan dengan "Program Galakan Penggunaan" aplikasi transaksi tanpa tunai.

**vi.** Program yang sama juga turut diadakan di Padang Besar, Perlis selama tiga (3) hari berturut bertempat di Perkarangan Arked Niaga, Padang Besar, Perlis. En. Deric Yeo telah menghadiri program ini yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Azizan bin Sulaiman, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pembangunan Usahawan dan Industri Kecil & Sederhana pada 14 Jun 2022. Program ini mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada para peniaga di mana 70% iaitu 316 peniaga daripada keseluruhan peniaga Arked Padang Besar telah mendaftar kepada aplikasi pembayaran tanpa tunai sepanjang program dilaksanakan. Melalui sesi taklimat dan hebahan yang telah dilakukan, majoriti peniaga telah sedar akan kepentingan pembayaran tanpa tunai bagi meningkatkan keuntungan serta produktiviti perniagaan. Melalui program ini juga, pihak RFBPN telah mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan Negeri, Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), MyDIGITAL Malaysia, PayNet dan Persatuan Peniaga.

**vii.** Pihak MFA dan NEXUS telah menjalankan kerjasama dengan mengadakan Siri Webinar Peruncitan dan Makanan & Minuman secara atas talian. Siri Webinar ini merangkumi sepuluh (10) topik dan telah bermula pada 29 Oktober tahun lepas. Bagi tahun 2022, siri webinar ini telah dilaksanakan semula bermula pada 26 Mei yang lalu. Maklumat lanjut bagi Siri Webinar ini adalah seperti jadual dibawah: -

### Objektif:

Bertanggungjawab untuk memberi tumpuan kepada asas pelaksanaan inisiatif produktiviti; bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan seperti badan penyelidikan dan agensi kerajaan dan berkongsi amalan terbaik; memperkenalkan mekanisme bantuan diri; dan menyediakan sokongan teknikal kepada perusahaan.

### Pelaksana

JKK Pembangunan Perniagaan

### Pengerusi

Dato' Zahriah Abd Kadir

### Naib Pengerusi

Paul Ang

### Ahli-Ahli

Deric Yeo  
Zuraida Jomri  
Mohd Faizal Abd Latip  
Abdullah Abu  
Nurizzatul Faiqah binti Rohaizat  
Muhammad Adam Abdul Jaffar



Topik	Barisan Panel
<p><b>26 Mei 2023</b></p> <p><i>Robotics in Restaurants: When Will This Technology is Affordable to Businesses?</i></p>	<p><b>1. Mr. Yap Far Loon (Moderator)</b> <i>Managing Director, Aleever Consulting</i></p> <p><b>2. En. Anwaar Razmi</b> <i>Group Strategy of QSR Brands (M) Sdn Bhd (KFC)</i></p> <p><b>3. En. Mohd Ubaidah</b> <i>Franchise Manager of Hajris Sdn Bhd (QBistro)</i></p> <p><b>4. Cik Suliza Morad</b> <i>Head of Business Development of Boat Noodle Sdn Bhd</i></p> <p><b>5. Cik Irene Phung</b> <i>Marketing Executive of Pudu Robotics</i></p>
<p><b>1 Julai 2023</b></p> <p><i>The New Trend in Technology to Increase the Productivity of Retail and F&amp;B</i></p>	<p><b>1. En. Yap Far Loon (Moderator)</b> <i>Managing Director, Aleever Consulting</i></p> <p><b>2. En. Zaid Husman McDonald's</b> <i>Chief Technology Officer of McDonald's Malaysia</i></p> <p><b>3. Cik Carol Fung</b> <i>Senior Manager, Digital Business &amp; Advisory of MDEC</i></p>

## Program Francais Mikro & Mampu Milik (F3M)

Pihak KPDN telah melaksana dan menjayakan Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik. Program ini menjadi salah satu program utama dalam usaha menarik penglibatan lebih ramai rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 untuk menceburi bidang perniagaan francais. KPDN sebagai peneraju pembangunan industri francais negara telah mengumumkan pelaksanaan program ini memfokuskan kepada pemberian geran bagi membangunkan lebih banyak pakej francais mampu milik bernilai RM100 ribu ke bawah serta pakej francais mikro bernilai RM50 ribu ke bawah seterusnya meningkatkan bilangan usahawan francais (francaisi) daripada golongan B40 dan M40.

- Para pemohon geran yang telah mendapat kelulusan dari panel F3M, sudah menerima kontrak perjanjian program Francais Mikro dan Mampu Milik untuk ditandatangani pada 31 Januari 2022 dan ke tarikh seterusnya mengikut kelulusan penerima geran.

- Pihak MFA telah menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Dana dan Pembangunan Program Francais Mikro Dan Francais Mampu Milik. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Roziah binti Abudin, TKSU KPDN. MFA telah membentangkan Laporan Pelaksanaan Program F3M dan telah mendapat maklumbalas daripada pihak KPDN. MFA bersama Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) juga telah memperincikan garis panduan untuk Program F3M ini. Butiran bagi mesyuarat ini adalah seperti jadual di bawah:-

### Objektif :

Menyediakan penciptaan pekerjaan kepada golongan M40 dan B40;

Menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan B40 dan M40 menceburi bidang perniagaan francais; dan

Memperkembangkan perniagaan francais kepada golongan sasar khususnya yang terjejas akibat daripada pandemik Covid-19.francais.

### Pelaksana:

JKK Pembangunan Perniagaan

### Pengerusi

Dato' Zahriah Abd Kadir

### Naib Pengerusi

Paul Ang

### Ahli – ahli

Deric Yeo

Zuraida Jomri

Mohd Faizal Abd Latip

Abdullah Abu

Nurizzatul Faiqah binti Rohaizat

Muhammad Adam Abdul Jaffar

Perkara	Tarikh
Mesyuarat JK Pengurusan Dana & Pembangunan Program F3M Bil 1/2021	14 Februari 2022
Mesyuarat JK Pengurusan Dana & Pembangunan Program F3M Bil 2/2021	7 Apr 2022
Mesyuarat JK Pengurusan Dana & Pembangunan Program F3M Bil 3/2021	10 Ogos 2022
Mesyuarat JK Pengurusan Dana & Pembangunan Program F3M Bil 4/2021	5 Okt 2022



## Program Francais Mikro & Mampu Milik (F3M)

### Status Kelulusan Geran Penuh

Sebanyak 19 syarikat telah mendapat kelulusan geran penuh dengan jumlah keseluruhan geran sebanyak RM 1,928,000.00. Antara syarikat yang telah berjaya mendapat kelulusan geran ini adalah termasuk:

- Tadika AZ Sdn Bhd
- Cambridge English For Life Sdn Bhd
- Cheese U Bistro Sdn Bhd
- Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd
- Proquaz Sdn Bhd
- QC Group Sdn Bhd
- Ayam Penyet Bagus Sdn Bhd
- Genius Aulad International Group Sdn Bhd
- Goldlife Marketing Sdn Bhd
- Camps & Apparel Corp. Sdn Bhd
- Sangkaya (M) Sdn Bhd
- Harumi Brands Sdn Bhd
- Sim Educare & Learning Sdn Bhd
- Smart Reader Worldwide Sdn Bhd
- My US Pizza Sdn Bhd
- Lovely Lace (M) Sdn Bhd
- M & M Group Sdn Bhd
- Family Wellbeing Sdn Bhd
- Mommyhana Creative Sdn Bhd



### Majlis Simbolik Penyampaian Geran Program Pembangunan Francais Mikro dan Mampu Milik (F3M)

Majlis ini telah diadakan bagi penerima Geran Penuh baru pada 12 Oktober 2022 bertempat di Marriott Hotel, Putrajaya. Penyampaian Mock Up Cheque Geran Penuh dan Geran Padanan telah disampaikan oleh YB Datuk Sri Azman Mohd Yusod, Ketua Setiausaha KPND. Turut sama menyertai program ini ialah YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan, En. Faizal Abdul Latip, En. Abdullah Abu dan beberapa orang sekretariat yang lain.

### Program Siri Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik

Dua belas (12) siri jelajah francais F3M telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Pelaksanaan siri latihan dibuat mengikut negeri dan telah disertai oleh lebih 1,000 peserta bagi 12 program ini. Jadual pelaksanaannya seperti berikut:

Tarikh	Negeri	Lokasi
8 Jan 2022	Perlis	Hotel Seri Malaysia ,Kangar
9 Jan 2022	Penang	Ixora Hotel Seberang Perai
29 Jan 2022	Perak	Casuarina Hotel Ipoh
5 Feb 2022	Selangor	Acappella Suite Hotel, Shah Alam
6 Feb 2022	Negeri Sembilan	Corus Paradise Resort Port Dickson
19 Feb 2022	Johor	VIP Hotel Segamat
5 Mac 2022	Terengganu	RAIA Hotel Kuala Terengganu
6 Mac 2022	Kelantan	Grand River View Hotel Kota Bharu
26 Mac 2022	Pahang	Grand Darul Makmur, Kuantan
4 Jun 2022	Sarawak	Pullman Miri Waterfront Hotel
25 Jun 2022	Sabah	Grand Borneo Hotel, Kota Kinabalu
12 Okt 2023	Putrajaya	Marriott Hotel, Putrajaya



## Program Francais Siswa

Program Francais Siswa adalah salah satu inisiatif di bawah Program Francais Mikro dan Mampu Milik yang diperkenalkan bagi melahirkan lebih banyak pakej francais mikro dan mampu milik khususnya dari kalangan para mahasiswa. Jawatankuasa program telah melantik perunding bagi menjalankan proses pembangunan francais untuk kesemua pemenang.

Pihak perunding yang telah dilantik oleh jawatankuasa program telah melakukan perincian bagi setiap pemenang untuk mengenal pasti samada perniagaan francais yang akan dijalankan berdaya saing atau tidak untuk diteruskan. Pihak perunding telah membentangkan hasil kajian bagi kesemua pemenang program kepada jawatankuasa kecil program dan akan membentangkan kepada jawatankuasa induk pada masa akan datang untuk membuat keputusan akhir bagi pemenang yang telah dipilih untuk ke fasa seterusnya.

## Program Tanggungjawab Sosial Korporat

Sepanjang tahun 2022, terdapat dua (2) program tanggungjawab sosial korporat telah dilaksanakan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak.

### Franchise CSR: Flood Donation

Persatuan Francais Malaysia (MFA) bersama-sama para ahli dan rakan strategiknya mengambil inisiatif untuk menghulurkan bantuan berupa barangan keperluan kepada keluarga di sekitar Lembah Klang yang terjejas berikutan fenomena banjir yang berlaku pada awal tahun 2022.

Jumlah keseluruhan sumbangan bagi program pasca banjir ini adalah bernilai lebih RM40,000 yang terdiri daripada sumbangan makanan, peralatan elektrik, pakaian, barangan cucian dan beberapa barangan keperluan lain. Semua sumbangan ini adalah hasil keprihatinan daripada Senheng, CIC Where Leaders Are Born, Cambridge English For Life (CEFL), Oldtown White Coffee, Global Art, Hot & Roll, Harta Rovers, Q-Bistro, NURI Education Centre, Penyetpenyet.com, Domino's Pizza dan Nydot Marketing. Penyerahan bantuan ini telah dilaksanakan pada 12 Januari 2022 bertempat di MFA.

#### Objektif :

Bertujuan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik dan berkhidmat kepada alam sekitar

#### Pelaksana:

JKK Promosi & Perhubungan Awam

#### Pengerusi

Amran Abdul Hamid

#### Naib Pengerusi

Kairul Azman Mohd Yusof

#### Ahli – ahli

Zuraida Jomri

Abdullah Abu

Nurul Ain Mohamad

Muhammad Najib Ramli

### Franchise CSR: Sumbangan Aidilfitri

Persatuan Francais Malaysia (MFA) bersama-sama para ahli dan rakan strategiknya telah melaksanakan program Franchise CSR: Sumbangan Aidilfitri bagi memberi keceriaan kepada anak yatim disamping mengurangkan beban persediaan rumah anak yatim untuk menyambut aidilfitri.

Kira-kira 20 anak yatim daripada Rumah Anak Yatim Baitun Nurrawdiah, Keramat telah diraikan pada majlis berbuka puasa pada 25 April 2022. Pada majlis itu. Turut diadakan Permainan Riang Ria "Kami Tahu" anjuran MFA dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bersama anak-anak ini.

Program ini dianjurkan dengan hasil sumbangan daripada CheeseU, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Global Art & Creatives, Harta Rovers, HOME, Kenny Rogers, Laundrybar, Marrybrown, McDonalds', Senheng, Sangkaya, Telekung Siti Khadijah, V-Agromart, Hotel Seri Malaysia Kangar, Dapur Fidah dan Al-Huda Enterprise.







## Perjanjian Memorandum Persefahaman

MFA telah merancang untuk menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) dan menjalinkan kerjasama dengan beberapa agensi dan badan berkepentingan lain sepanjang tahun 2022. Kerjasama ini dilihat dapat memberi manfaat kepada para ahli-ahli MFA dan seterusnya mengembangkan lagi industri Francais ke peringkat yang lebih tinggi. Sebanyak lapan (8) perjanjian telah ditandatangani oleh MFA sepanjang tahun 2022. Senarai adalah seperti di bawah:

### Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Di Antara Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan Aeon Co. M Sdn Bhd

MFA telah bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam mendapatkan penglibatan ahli-ahli MFA dalam Program Youth Career (Y-Career) yang dianjurkan oleh KBS pada 27 hingga 30 Oktober 2022 di AEON AU2 Setiawangsa. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberikan peluang kepada para belia yang berminat untuk mencari pekerjaan, melanjutkan pelajaran serta latihan dalam bidang yang ditawarkan oleh para majikan. Sebanyak tujuh (7) syarikat telah menyertai program ini termasuk:

1. Genius Aulad
2. CIC Where Leaders Are Born
3. Kluang Station
4. Clara International
5. Ayam Penyet Best
6. Smart Reader Kids
7. ALOHA Mental Arithmetic

### Rundingcara

Rundingcara dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan kes dan aduan rasmi yang diterima oleh Jawatankuasa dan khidmat kaunseling ini hanya diberikan kepada ahli MFA sahaja. Kebanyakan kes yang dilaporkan melibatkan pelbagai isu dari permasalahan yang wujud antara francais dan francais.

Pihak MFA akan terlebih dahulu meneliti samada kes-kes yang dilaporkan itu melibatkan Akta Francais 1998, amalan etika perniagaan atau kelakuan profesional seseorang ahli, seterusnya menyiasat kes yang dikemukakan dan merujuk kes-kes tersebut kepada organisasi berkaitan seperti KPDN, Pernas, MyIPO dan sebagainya.

Tahun 2022, MFA telah menerima 2 aduan bertulis yang direkodkan daripada ahli. Antara isu yang berbangkit adalah berkenaan isu permohonan pendaftaran logo syarikat ditolak atas faktor persamaan bentuk logo dengan syarikat lain. Oleh itu, ahli dinasihatkan agar mempertimbangkan untuk menukar bentuk logo atau menyatakan keunikan logo itu sendiri. Selain itu, isu yang berbangkit adalah isu cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas ahli. Rentetan itu, beberapa siri mesyuarat telah diadakan bersama pihak KPDNEP dan KASTAM bagi membincangkan isu dan jalan penyelesaian terhadap isu ini. Isu ini masih berada dalam proses penyelesaian masalah.



Selain itu, MFA juga telah menerima beberapa aduan mengenai pertikaian di antara francaisor dan francais daripada syarikat francais yang bukan di kalangan ahli MFA. Memandangkan polisi MFA tidak melaksanakan rundingcara untuk syarikat yang bukan ahli, pihak JKK telah meminta agar syarikat yang berkenaan merujuk pertikaian tersebut kepada Bahagian Penguatkuasaan Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) untuk tindakan selanjutnya.

### Sokongan Mempromosikan Perniagaan Ahli

MFA sentiasa mempromosikan ahli dan aktiviti ahli melalui 7 saluran media sosial dan digital iaitu Facebook, Instagram, Twitter, LinkedIn, Telegram, Getresponse dan Laman sesawang MFA. MFA juga turut memuatkan profil ahli ke dalam laman sesawang dan emel pemasaran bagi tujuan promosi dan ahli juga turut berpeluang mengiklankan sistem francais mereka melalui laman sesawang ini. Sebanyak 143 Ahli Biasa telah menerima manfaat ini di mana logo dan profil mereka telah dipaparkan di laman sesawang MFA.

### Perkhidmatan Fasiliti Event Venue

MFA menawarkan perkhidmatan Fasiliti Event Venue yang sesuai untuk mengadakan kelas, bengkel, mesyuarat, taklimat dan jamuan. Terletak di Tkt 3, Pusat Latihan MFA boleh memuatkan kapasiti tetamu sehingga 20 hingga 60 orang mengikut saiz bilik. Terdapat 3 bilik yang dilengkapi dengan kemudahan seperti kerusi meja, projektor, skrin projektor, PA sistem, papan putih, flip chart, wifi dan penghawa dingin. Lain-lain kemudahan adalah dispenser air, surau, pantri dan tempat letak kereta bawah tanah. MFA juga menyediakan perkhidmatan tambahan seperti pengurusan majlis dan katering.

### Perkhidmatan Sidang Video dan Aplikasi Zoom

MFA telah mengadaptasi kaedah digital dalam pelaksanaan aktiviti dengan mempunyai kemudahan sidang video dan akaun applikasi zoom. Memandangkan kemudahan ini juga diperlukan oleh sebahagian ahli yang tidak mempunyai kemudahan ini, MFA ingin menjemput para ahli untuk menggunakan kemudahan ini dengan caj yang minima. Tempahan perlu dibuat sekurang-kurangnya seminggu sebelum hari yang diperlukan.

#### Objektif :

Sebagai salah satu usaha MFA untuk menggalakan pembabitan aktif para ahli dengan persatuan dan merupakan antara manfaat yang diberikan kepada ahli

#### Pelaksana:

JK Pentadbiran

#### Pengerusi

Deric Yeo

#### Naib Pengerusi

Khalek Awang

#### Ahli – ahli

Zuraida Jomri

Norhadi Md Yusof

Bayani Salihah Ibrahim





## Promosi & Pengiklanan

### Liputan Media

#### Liputan Berita di Media Cetak dan Digital

MFA bertanggungjawab untuk merangka dan melaksanakan pelan promosi di media dengan menerbitkan iklan dan editorial berkenaan MFA dan program anjuran MFA di media arus perdana. Sepanjang tahun 2022, MFA telah melaksanakan iklan dan editorial di akhbar Berita Harian, The China Press, Harian Metro, New Straits Times, The Edge, Asia Franchise, Business Today, Top 10 of Malaysia dan SME Magazine. Terdapat sebanyak 199 liputan media mengenai MFA, ahli dan industri francais telah diterbitkan.

#### Liputan Berita di Media Eletronik

Dalam usaha mempromosi industri francais dan aktiviti-aktiviti anjuran MFA serta ahli-ahli, sebanyak 24 liputan media elektronik melalui program temu bual, iklan dan liputan berita telah diterbitkan. Senarainya adalah seperti di Jadual di bawah.

#### Objektif:

Bertujuan untuk menghebahkan dan berkongsi maklumat dan pengetahuan mengenai MFA, para ahli dan industri francais di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kepada para ahli, penggiat industri dan masyarakat. Selain itu, ianya juga sebagai satu cara untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan jenama MFA sebagai sumber rujukan francais.

#### Pelaksana:

JKK Promosi & Perhubungan Awam

#### Pengerusi

Amran Abdul Hamid

#### Naib Pengerusi

Kairul Azman Mohd Yusoh

#### Ahli – ahli

Zuraida Jomri

Abdullah Abu

Nurul Ain Mohamad

Muhammad Najib Ramli

PLATFORM MEDIA	PROGRAM	TARIKH
Kosmo!	FIM – Pempamer	25 Mei 2022
New Strait Times	International Franchise Management Course (IFM)	27 Mei 2022
New Strait Times	FIM – Pempamer	3 Jun 2022
Berita Harian	Latihan pengantarabangsa persiapkan usahawan francais ke pasaran antarabangsa	17 Jun 2022
Business Today	FIM2022 – Pameran dan Persidangan	1 Julai 2022
TV1 – Biz Malaysia	FIM2022 Rancarkan Semula Perkembangan Industri Francais Malaysia	22 Julai 2022
Asia Franchise	FIM2022 – Pameran dan Persidangan	1 Ogos 2022
SME Magazine	FIM2022 – Pameran dan Persidangan	1 Ogos 2022
Berita Harian	FIM2022 - Pameran	1 Ogos 2022
TV1 – Selamat Pagi Malaysia	FIM Sedia Ekosistem Francais Yang Kondusif	8 Ogos 2022
China Press	FIM2022 - Pameran	10 Ogos 2022
New Straits Times	FIM2022 - Pameran	12 Ogos 2022
Ai FM	Peluang Kembangkan Perniagaan Melalui Francais	17 Ogos 2022
New Straits Times	FIM2022 - Persidangan	25 Ogos 2022
BFM Radio	FIM2022 Offering Franchise Business Opportunities	28 Ogos 2022
China Press	FIM2022 - Persidangan	31 Ogos 2022
Top 10 of Malaysia	FIM2022 – Pameran dan Persidangan	1 Sep 2022
Bernamea TV – Ruang Bicara	Terokai Peluang Perniagaan Francais di FIM2022	1 Sep 2022
Bernamea Radio	Peluang Kembangkan Perniagaan Melalui Francais	6 Sep 2022
RTM – Bicara Naratif	FIM2022 Sedia Peluang Menjadi Usahawan	6 Sep 2022
RTM - Liputan Berita	Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2022	12 Sep 2022
New Straits Times	Secure Robotics (Manfaat Penaja)	27Okt 2022
RTM - Liputan Berita	Anugerah Francais Malaysia 2022	8 Dis 2022
Berita Harian	MAF2022 -Thank You Ads-	16 Dis 2022



## Promosi di Media Sosial

MFA giat mempromosikan ahli dan aktiviti ahli melalui 8 saluran media sosial iaitu Facebook, Instagram, Twitter dan Laman sesawang MFA. Sepanjang tahun 2022 sebanyak 280 hebahan berkaitan MFA, ahli dan industri francais telah dibuat melalui pelbagai saluran media sosial MFA.

- Facebook/franchiseMalaysia,
- Facebook/franchiseinternationalMY
- Instagram@franchisemalaysia.
- twitter@FranchiseMY,
- Youtube/MyFranchiseHub,
- LinkedIn/Malaysian Franchise Association
- Telegram/https://t.me/myfranchise
- TikTok/franchisemalaysia

Selain itu, pada tahun 2022 juga, MFA telah mula melanggan 8 Page hebahan umum dan negeri serta 4 Key Opinion Leader (KOL) untuk mempromosikan program anjuran MFA bagi meluaskan jumlah audien dan pemahaman mengenai perniagaan francais.. Antara page hebahan yang dilanggan adalah Siakap Keli, Malaysikini, Kedah Kini, Perlis Permai, Perak Today, Terengganu Voice, Viral Johor, I PAHANG, Farqhan.com, FaridOmar Channel, Pencerita TV dan Ladangbro.

## Laman Sesawang MFA

MFA juga turut memuatkan profil ahli ke dalam laman sesawang bagi tujuan promosi dan ahli juga turut berpeluang mengiklankan sistem francais mereka melalui laman sesawang ini. Sebanyak 143 Ahli Biasa pada tahun 2022 telah menerima manfaat ini di mana logo dan profil mereka telah dipaparkan di laman sesawang MFA.

## Emel Pemasaran

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 107 email pemasaran telah dibuat menggunakan pangkalan data MFA bagi menghebahkan semua aktiviti, maklumat terkini industri dan MFA, berita ahli dan pengumuman.

## Rekabentuk bahan promosi

Bagi memastikan poster atau bahan promosi dan pemasaran kelihatan menarik, MFA telah menghasilkan sendiri rekabentuknya. Sebanyak 73 konsep rekabentuk telah dihasilkan sepanjang tahun 2022.

## Sidang Media

MFA telah melaksanakan sidang media yang merangkumi penyediaan nota ucapan, kenyataan akhbar, jemputan media dan lain-lain bagi program seperti jadual di bawah. Butiran lanjut senarai liputan adalah seperti di Lampiran.

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	LIPUTAN
20 Jan 2022	Majlis Pelancaran Prototaip Pakej Francais Mampu Milik dan Sidang Media	Oldtown White Coffee, Petaling Jaya	3 Liputan
6 Julai 2022	MOU Oldtown White Coffee x Global Art dan Sidang Media	Oldtown White Coffee, Sri Rampai	6 Liputan
16 Julai 2022	Jelajah Francais Bay Pahang dan Sidang Media	Kuantan City Mall	3 Liputan
1 Dis 2022	Majlis Pengumuman Calon Akhir Anugerah Francais Malaysia dan sidang media	Tamu Hotel & Suites, KL	4 Liputan

## Siri Promosi Bergerak

MFA telah menyertai beberapa siri promosi francais dalam dan luar negara yang melibatkan misi perdagangan, pameran, seminar dan jemputan ceramah. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM
8 Jan 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Perlis
9 Jan 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Pulau Pinang
29 Jan 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Perak
5 Feb 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Selangor
6 Feb 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Negeri Sembilan
19 Feb 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Johor
5 Mac 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Terengganu



TARIKH	PROGRAM
6 Mac 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Kelantan
26 Mac 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Pahang
4 Jun 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Sarawak
25 Jun 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Sabah
12 Okt 2022	Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik Putrajaya

## Kempen Program


Sebagai salah satu inisiatif dalam mempromosikan industri francais, MFA telah mempelbagaikan kempen di media sosial. Selain bertujuan untuk menghebahkan aktiviti MFA, kempen ini juga bertujuan untuk menyebarkan kesedaran masyarakat umum terhadap isu semasa.

Selain itu, MFA dengan kerjasama beberapa institusi lain telah menjalankan beberapa kempen promosi di sosial media dengan objektif untuk mempromosikan jenama francais tempatan kepada masyarakat umum. Kempen ini telah dilaksanakan di semua platform media sosial MFA dan institusi berkaitan. Antara kempen yang telah dilaksanakan sepanjang Feb 2022 sehingga Dis 2022 adalah termasuk:

- CNY: Wish and Post pada 11 hingga 13 Feb 2022 dengan tujuan untuk memeriahkan sambutan perayaan Tahun Baru Cina disamping meningkatkan kesedaran mengenai perniagaan francais.
- FIM2022 pada 1 Mac hingga september 2022 dengan tujuan untuk meghebahkan manfaat menyertai program ini, menarik lebih ramai pengunjung dan potensi pelabur melalui platform media sosial MFA dan platform media yang telah dilanggan.
- Membership: Join MFA Now! Bermula Mei hingga Ogos 2022 bersempena bulan ulang tahun MFA. Kempen ini bertujuan untuk menarik lebih banyak syarikat mendaftar sebagai ahli MFA. Aktiviti melibatkan perkongsian e-bulletin berkaitan ahli baru MFA, manfaat keahlian, testimoni keahlian serta aktiviti promosi dengan memberi sejumlah diskaun kepada ahli MFA yang ingin menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh MFA.
- Merdeka Shout Out pula merupakan kempen yang dilaksanakan untuk memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2022. Aktiviti bagi kempen ini adalah melibatkan perkongsian poster promosi ahli ke media sosial MFA. Kempen ini telah melibatkan perkongsian daripada 14 jenama.
- Peraduan Jawab dan Menang Emas adalah peraduan yang dianjurkan bersempena FIM2022 dengan kerjasama Nasional FM dan Traxx FM. Ianya juga turut di tajaan oleh Permodalan Kelantan Berhad, Yapiem, Marrybrown, Q-Bistro, dan Big Bath. Peraduan ini telah mendapat lebih 50 penyertaan melalui kuiz atas talian dan kuiz di radio. Kaedah hebahan adalah melalui radio, media sosial MFA dan di booth MFA sepanjang FIM2022.
- Anugerah Francais Malaysia 2022: Kempen bagi program ini bermula Okt hingga 8 Disember 2022. Kempen hebahan untuk galakkan pencalonan Anugerah dan pembelian meja pada Malam Anugerah Francais. Hebahan adalah melalui emel pemasaran dan media sosial yang tertumpu kepada ahli MFA dan penggiat francais.







## Editorial

### Ucapan

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 19 teks ucapan tetamu kehormat bagi program anjuran MFA telah disediakan dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

- Teks ucapan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan untuk Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman (MOU) antara MFA dan AEON
- Teks ucapan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan dan Ketua Eksekutif Oldtown White Coffee, Dawn Liew untuk Majlis Perasmian Oldtown Carnival.
- Teks ucapan Exco Negeri Pahang, YB Norol Azali bin Sulaiman dan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan untuk Majlis Perasmian Jelajah Mikro dan Mampu Milik (F3M) Pahang
- Teks Ucapan Timbalan Menteri, YB Dato' Rosol bin Wahid untuk Majlis Perasmian Pavilion Malaysia dalam Misi Perdagangan ke Jeddah dan Sarajevo.
- Teks ucapan Pengarah BPFJL, Encik Muhd Fairuz Abdul Halim untuk Majlis Perasmian Jelajah Mikro dan Mampu Milik (F3M) Miri, Sarawak
- Teks ucapan Penasihat MFA, Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi dan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan untuk Mesyuarat Agung MFA.
- Teks Ucapan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan untuk Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara Oldtown White Coffee dan Global Art.
- Teks Ucapan Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Azman Yusof dan Malawakil untuk Majlis Pelancaran Pavillion Malaysia di IFRA2022, Indonesia.
- Teks ucapan Naib Pengerusi MFA, Tuan Hj. Mohamad Shukri Salleh untuk Majlis Perasmian Jelajah Francais Bay Shah Alam
- Teks ucapan Menteri, Dato Sri Alexander Nanta Linggi dan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan untuk Majlis Perasmian FIM2022.
- Teks ucapan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan untuk Majlis Perasmian Jelajah Mikro dan Mampu Milik (F3M) Putrajaya
- Teks Ucapan Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Azman Mohd Yusof dan Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan untuk Malam Anugerah Francais Malaysia 2022

### Program/ Aktiviti Editorial

#### Objektif:

Melaksanakan editorial untuk temuramah dan soal jawab, menyediakan nota ucapan, kenyataan akhbar serta kata alu-aluan bagi setiap aktiviti yang disertai oleh MFA.

#### Pelaksana:

JKK Promosi & Perhubungan Awam

#### Pengerusi

Amran Abdul Hamid

#### Naib Pengerusi

Kairul Azman Mohd Yusoh

#### Ahli-Ahli

Zuraida Jomri

Abdullah Abu

Nurul Ain Mohamad

Muhammad Najib Ramli

### Kenyataan Media

Kenyataan media MFA disediakan untuk memaklumkan dan menghebahkan mengenai program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh MFA. Sepanjang tahun 2021, 10 kenyataan media telah diedarkan dan diterbitkan oleh media arus perdana bagi tujuan liputan berita. Butiran lanjut seperti berikut:

PROGRAM	TARIKH TERBITAN
Kerajaan Selangor Galak Lebih Ramai Ceburi Perniagaan Francais	8 Feb 2022
EFDP: Connecting Local Franchises with International Markets	18 Feb 2022
AEON dan persatuan francais malaysia (MFA) jalin kerjasama memperkasakan usahawan francais	8 Mac 2022
Fasa peralihan endemik buka lebih peluang aktiviti perniagaan	21 Mac 2022
FIM2022 tumpu usaha sedia ekosistem francais lebih kondusif	12 April 2022
Franchise CSR – Sumbangan Aidilfitri Rumah Anak Yatim	25 April 2022



PROGRAM	TARIKH TERBITAN
Malaysian products and brands are expanding their reach in Middle East Market	9 Mac 2022
Oldtown Sign MOU with Global Art	7 Julai 2022
Program F3M bantu lahirkan pemilik francais golongan B40, M40	28 Julai 2022
KPDNHEP ketengah 14 syarikat francais Malaysia di Indonesia	6 Ogos 2022
FIM2022 - Industri francais Malaysia disaran rebut peluang sertai ekonomi halal global	8 Sep2022
Misi Perdagangan Francais ke Filipina	18 Okt 2022
Marrybrown Francais Terbaik 2022	8 Dis 2022

### Kata Alu-Aluan dan Q&A

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 14 telah diterbitkan untuk dimasukkan di dalam penerbitan MFA dan pihak luar. Butiran lanjut seperti berikut:

PLATFORM	PENGLIBATAN AHLI
Franchise Mind Vol.1/2022	Datuk Dr. Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>
Laporan Tahunan MFA	Datuk Dr. Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>
Franchise Mind Vol.2/2022 - Direktori FIM2022	Dato Sri Alexander Nanta Linggi <i>Menteri</i>
	Datuk Dr. Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>
Buku Program Malam Anugerah Francais	Datuk Azman Mohd Yusof <i>Ketua Setiausaha KPDN</i>
	Datuk Dr. Hj Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>
Q&A: Temubual Berita Harian (BH)	Prof. Dr. Azmawani Abdul Rahman <i>Ahli Jawatankuasa MFA</i>
Q&A: Temubual Biz Malaysia (TV1)	Ramanan <i>Pegawai KPDN</i>
	Deric Yeo <i>Setiausaha Agung MFA</i>
Q&A: Temubual Selamat Pagi Malaysia (TV1)	Muhd Fairuz <i>Pengarah BPFJL, KPDN</i>
	Terry Lim <i>Ahli Jawatankuasa MFA</i>
Q&A: Temubual Ai FM	Deric Yeo <i>Setiausaha Agung MFA</i>
Q&A: Temubual BFM	Kairul Azman Mohd Yusof <i>Ahli Jawatankuasa MFA</i>
Q&A: Temubual Ruang Bicara (BERNAMA TV)	Muhd Fairuz <i>Pengarah BPFJL, KPDN</i>
	Kairul Azman Mohd Yusof <i>Ahli Jawatankuasa MFA</i>
Q&A: Temubual Bernama Radio	Deric Yeo <i>Setiausaha Agung MFA</i>
Q&A: Temubual Bicara Naratif (TV1)	Dato' Rohaizi Bahari <i>Pengarah Kanan</i>
	Datuk Dr. Radzali Hassan <i>Pengerusi MFA</i>
Q&A: Temubual Nasional FM	Mohamad Shukri Salleh <i>Naib Pengerusi MFA</i>
Q&A: Temubual Traxx FM	Deric Yeo <i>Setiausaha Agung MFA</i>

#### Objektif:

Melaksanakan editorial untuk temuramah dan soal jawab, menyediakan nota ucapan, kenyataan akhbar serta kata alu-aluan bagi setiap aktiviti yang disertai oleh MFA.

#### Pelaksana:

JKK Promosi & Perhubungan Awam

#### Pengerusi

Amran Abdul Hamid

#### Naib Pengerusi

Kairul Azman Mohd Yusof

#### Ahli-Ahli

Zuraida Jomri  
Abdullah Abu  
Nurul Ain Mohamad  
Muhammad Najib Ramli





## Penerbitan

### Franchise Mind

Penerbitan Francais Mind merupakan wadah perkongsian maklumat mengenai MFA, ahli MFA dan industri francais telah diterbitkan sejak 1999 lagi. Bermula dengan cetakan hitam putih di atas kertas warna dengan tajuk Minda Francais, penerbitannya melalui banyak perubahan dari segi kandungan dan kualiti persembahan penerbitan.

Pada tahun 2011, tajuk buletin ini telah ditukar kepada Franchise Mind agar lebih komersial di peringkat antarabangsa dan diterbitkan secara dwi-bahasa. Pada tahun 2016, penerbitan Franchise Mind telah bertukar format daripada cetakan kepada format digital sepenuhnya sehingga tahun 2020. Namun, pada tahun 2020, penerbitan Franchise Mind Edisi ke-2 telah dilaksanakan secara cetakan dan digital untuk meluaskan sasaran hebahan yang merangkumi kepelbagaian umur dan lokasi. Penyusunan semula kandungan dan persembahan visual serta susun atur yang menarik telah dibuat untuk meningkatkan kualiti penerbitan.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 4 edisi telah diterbitkan dan diedarkan kepada lebih 30,000 marketing reach MFA. Jadual Penerbitan adalah seperti berikut:

TARIKH KELUARAN	EDISI	TOPIK HIGHLIGHT
11 April 2022	Vol.1/2021	Special Edition MAF : Learning From The Best
8 Sep 2022	Vol.2/2021	Special Edition FIM2022

#### Objektif:

Menerbitkan Buku / Majalah / Buletin yang merupakan wadah penyaluran dan perkongsian pelbagai idea, maklumat, berita, panduan berkaitan MFA, ahli MFA, industri francais dan keusahawanan.

#### Pelaksana:

JKK Promosi & Perhubungan Awam

#### Pengerusi

Amran Abdul Hamid

#### Naib Pengerusi

Kairul Azman Mohd Yusoh

#### Ahli-Ahli

Zuraida Jomri  
Abdullah Abu  
Nurul Ain Mohamad  
Muhammad Najib Ramli

### Buku Laporan Tahunan

Penerbitan buku laporan tahunan MFA diterbitkan sempena Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada setiap tahun. Buku ini memaparkan maklumat yang komprehensif mengenai latarbelakang dan maklumat korporat MFA, pencapaian aktiviti MFA pada tahun 2021 dan laporan kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Buku ini diterbitkan secara digital pada tahun 2022 dan diberikan salinan penerbitannya kepada ahli untuk rujukan dan simpanan.

### Buku Program

Pada tahun 2022, sebuah buku program telah diterbitkan oleh MFA iaitu Buku Program Buku Program Malam Anugerah Francais 2022 yang memuatkan maklumat program dan calon akhir anugerah.







## Laporan Kewangan

- Laporan Prestasi Kewangan
- Laporan Juruaudit Bebas
- Laporan Berkanun Jawatankuasa Utama
- Akuan Berkanun Bendahari
- Lembaran Imbangan
- Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
- Penyata Penerimaan & Pembayaran
- Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan






## Laporan Prestasi Kewangan

Prestasi kewangan Persatuan Francais Malaysia (MFA) secara keseluruhannya mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022. Peningkatan prestasi ini dipengaruhi oleh peningkatan pelaksanaan program acara dan juga program kerjasama. Pendapatan dan perbelanjaan MFA terdiri daripada pelaksanaan aktiviti sama ada dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MFA atau program yang dianjurkan secara kerjasama yang mana terdapat perolehan yang diterima daripada pihak Kementerian atau agensi. Pendapatan dan perbelanjaan yang diperolehi daripada program yang dianjurkan secara kerjasama ini tidak dapat dijangkakan kerana tertakluk kepada keputusan pihak Kementerian atau agensi tersebut. Pada tahun 2022, pendapatan MFA mencatatkan peningkatan sebanyak 29% berbanding 2021. Seiring dengan peningkatan pendapatan daripada program yang dilaksanakan sepanjang 2022, jumlah perbelanjaan juga meningkat sebanyak 29% berbanding tahun 2021.

### PENDAPATAN & PERBELANJAAN (RM'000)




	Pendapatan	Perbelanjaan	Lebihan Pendapatan
<b>2022</b>	<b>5180</b>	<b>5066</b>	<b>113</b>
<b>2021</b>	<b>3680</b>	<b>3620</b>	<b>60</b>

### PENDAPATAN

Pendapatan MFA keseluruhannya terdiri daripada yuran keahlian, kursus dan seminar francais, acara, program kerjasama dan lain-lain. Pendapatan keseluruhan MFA pada 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak RM3.680 juta kepada RM5.180 juta. Peningkatan pendapatan ini banyak dipengaruhi oleh pendapatan daripada program acara dan program kerjasama yang dilaksanakan. Pendapatan 2022 tanpa program kerjasama ini adalah sebanyak RM2.744 juta berbanding RM1.741 juta pada 2021 dimana mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 37% atau RM1.003 juta. Analisis dan prestasi kewangan seperti jadual dibawah.



## PENDAPATAN (RM'000)



KATEGORI	PENDAPATAN (RM'000)		VARIAN	
	2022	2021	RM	%
Keahlian	339	318	21	7%
Kursus dan Seminar	188	330	-142	-43%
Pengurusan Acara	1,900	927	973	105%
Pelbagai Pendapatan	317	165	152	92%
<b>JUMLAH</b>	<b>2,744</b>	<b>1,741</b>	<b>1,003</b>	<b>58%</b>
Program Kerjasama	2,436	1,939	497	26%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>5,180</b>	<b>3,680</b>	<b>1,500</b>	<b>41%</b>

### Keahlian

Pada 2022, pendapatan keahlian adalah sebanyak RM339 ribu berbanding RM318 ribu pada 2021. Yuran keahlian mencatatkan peningkatan sebanyak 7% atau RM21 ribu pada tahun semasa berbanding tahun kewangan lepas. Yuran keahlian menyumbang sebanyak 7% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa, lebih rendah daripada 9% pada 2021. Bagi menunjukkan laporan yang lebih realistik, MFA telah menggariskan polisi untuk mengemukakan inbois hanya kepada ahli yang mempunyai hutang tidak melebihi 3 tahun. Ahli baru akan dikenakan yuran pada kadar pro rata namun mereka perlu mengemukakan bayaran penuh keahlian tahun pertama bersama dengan yuran proses.

### Kursus & Seminar

Pendapatan keseluruhan bagi yuran kursus dan seminar menunjukkan pengurangan sebanyak 43% atau RM142 ribu kepada RM188 ribu pada 2022. Bagi tahun 2022, sejumlah 7 program latihan telah dilaksanakan iaitu 4 Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF) 2 Kursus Persediaan Bakal Francaisor (KPF) dan 1 Kursus Persediaan Perunding Francais (KPPF). Berbanding tahun 2021 jumlah program latihan yang dilaksanakan adalah sebanyak 23 program iaitu 7 Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF), 1 Kursus Pembangunan Francaisor (KPF) dan 1 Kursus Pembangunan Francaisi dan program Latihan Be your Own Boss sebanyak 14 siri (BYOB) dengan pihak Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS).





## Pengurusan Acara

Pendapatan bagi acara adalah daripada pelaksanaan 2 acara tahunan MFA iaitu Franchise International Malaysia 2022 (FIM2022) dan Malam Anugerah Francais 2022 (MAF2022) dengan jumlah pendapatan sebanyak RM 1.9 juta iaitu 37% daripada jumlah pendapatan keseluruhan MFA. Manakala pada tahun 2021, 2 acara telah dilaksanakan iaitu Program Digital Franchise International Malaysia 2021 (DFIM2021) dan Malam Anugerah Francais 2021 (MAF2021) dengan jumlah pendapatan sebanyak RM927 ribu iaitu 25% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MFA. Jumlah pendapatan bagi acara menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya di sebabkan perbezaan mod pelaksanaan di mana FIM2022 telah dilaksanakan secara fizikal berbanding tahun sebelumnya secara atas talian.

## Pelbagai Pendapatan

Pelbagai pendapatan MFA terdiri daripada yuran pengurusan acara, yuran penyelenggaraan laman sesawang APFC, jualan penerbitan – iklan dan buku, serta penerimaan dividen dari akaun semasa dan pelaburan simpanan tetap dan program tanggungjawab sosial korporat . Pelbagai Pendapatan telah menjana perolehan sebanyak RM317 ribu pada tahun 2022 berbanding RM RM165 ribu pada tahun dengan peningkatan sebanyak 92%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh yuran bagi pengurusan acara yang dilaksanakan.

## Program Kerjasama

Program Kerjasama adalah program yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kementerian / agensi di mana penglibatan MFA adalah hanya sebagai badan pelaksana program. Pada tahun 2022, program kerjasama adalah daripada pelaksanaan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) yang terdiri daripada 2 program latihan, 4 International Market Update Session (IMUS), 6 Siri Webinar, 1 program Specialise Business Mission (SBM), 1 program Mydigifex dan 3 Misi Perdagangan. Peruntukan Program Francais Mikro dan Mampu Milik (F3M) pula terdiri daripada pelaksanaan 3 Program Latihan Kursus Asas Francais Mikro (KAPFM) , 12 Program Jelajah Francais dan 1 program promosi. Manakala, pada tahun 2021, peruntukan bagi program kerjasama adalah daripada pelaksanaan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP), Program Francais Mikro dan Mampu Milik (F3M) yang terdiri daripada Program Francais Siswa, Program Latihan Kursus Asas Francais Mikro dan yuran promosi dan juga Program Kempen Jualan Malaysia (KJM). Pendapatan daripada program kerjasama ini menyumbang sebanyak 47% kepada pendapatan tahun semasa MFA.

## PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan aktiviti juga mengalami kenaikan sebanyak 29% daripada RM3.620 juta kepada RM5.066 juta pada 2022. Peningkatan ini sejajar dengan kenaikan pendapatan keseluruhan yang mana banyak aktiviti dapat dilaksanakan semula setelah penurunan kes pandemik COVID-19 dan pemberian vaksinasi pada tahun 2021. Butiran lanjut serta analisis kewangan seperti berikut:

KATEGORI	PERBELANJAAN (RM'000)		VARIAN	
	2022	2021	RM	%
Keahlian	65	87	-23	-26%
Kursus dan Seminar	69	77	-9	-11%
Pengurusan Acara	1,389	587	802	137%
Pelbagai Perbelanjaan	242	129	114	89%
Pentadbiran	1,265	1,169	86	8%
<b>JUMLAH</b>	<b>3,030</b>	<b>2,049</b>	<b>970</b>	<b>48%</b>
Program Kerjasama	2,037	1,571	466	30%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>5,066</b>	<b>3,620</b>	<b>1,436</b>	<b>40%</b>

## Keahlian

Perbelanjaan keahlian menunjukkan penurunan sebanyak 26% kepada RM65 ribu berbanding dengan RM87 ribu pada tahun kewangan yang lepas disebabkan penurunan peruntukan hutang lapuk tahun semasa.



## Kursus & Seminar

Perbelanjaan pelaksanaan kursus dan seminar pada 2022 menunjukkan penurunan sebanyak 11% kepada RM69 ribu daripada RM77 ribu pada 2021 disebabkan terdapat perbezaan jumlah kursus yang telah dilaksanakan.

## Pengurusan Acara

Perbelanjaan bagi pengurusan acara juga menunjukkan peningkatan ketara kepada RM1.389 juta daripada RM587 ribu pada tahun 2021. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh perbezaan mod pelaksanaan program dimana FIM2022 dilaksanakan secara fizikal berbanding DFIM2021 yang dilaksanakan secara atas talian.

## Pelbagai Perbelanjaan

Perbagai perbelanjaan mencatatkan peningkatan pada tahun semasa sebanyak 89% kepada RM242 ribu daripada RM129 ribu pada 2021. Perbelanjaan pada 2022 terdiri daripada perbelanjaan menghadiri Mesyuarat APFC & WFC, kos bagi jemputan pameran dan ceramah, kos pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat, kos pengurusan acara, kos percetakan Franchise Mind serta kos penyelenggaraan sistem pejabat.

## Pentadbiran

Belanja bagi pentadbiran merangkumi perbelanjaan bagi hal ehwal Persatuan, hal ehwal Jawatankuasa Utama, Sumber Manusia serta belanja operasi. Belanja pentadbiran meningkat sebanyak 8% kepada RM1.265 juta berbanding RM1.169 juta pada tahun 2021.

Peningkatan belanja pentadbiran dipengaruhi oleh pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan dengan kenaikan 61% disebabkan oleh pelaksanaan secara fizikal pada 2022 berbanding secara hibrid pada tahun 2021, dan peningkatan elaun dan upah sebanyak 16%.

Belanja operasi juga mengalami peningkatan seperti belanja utiliti elektrik meningkat sebanyak 30% dari RM 13 ribu kepada RM18 ribu, belanja am meningkat sebanyak 32%, belanja perjalanan dan penginapan meningkat 83%, belanja perubatan meningkat 56%, belanja cetakan dan alatulis meningkat 49% dan belanja penyelenggaraan & baikpulih meningkat 34% pada tahun 2022.

## Program Kerjasama

Perbelanjaan program kerjasama pada 2022 meningkat 30% kepada RM2.037 juta daripada RM1.571 juta adalah dipengaruhi oleh pelaksanaan program yang dianjurkan. Perbezaan jumlah perbelanjaan pada tahun 2022 dan 2021 kesan daripada pelaksanaan pelbagai jenis dan jumlah program.

## JUMLAH ASET

Jumlah aset mencatatkan penurunan lebih 100% kepada RM4.220 juta daripada RM8.929 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya disebabkan oleh penurunan pada tunai dan persamaan tunai di sebabkan oleh penerimaan peruntukan bagi pelaksanaan program secara kerjasama untuk tahun 2022 telah di terima pada tahun sebelumnya.


## Yuran Keahlian Belum Terima

Yuran keahlian belum terima pada tahun kewangan semasa adalah sebanyak RM116 ribu berbanding RM171 ribu pada tahun 2021, mencatatkan pengurangan sebanyak 32%. Yuran belum terima ini adalah jumlah yuran keahlian belum terima bersih setelah ditolak dengan peruntukkan hutang lapuk yang dilaksanakan bagi menggambarkan keadaan sebenar kedudukan kewangan MFA. Polisi ini telah disemak setiap tahun dan dilaksanakan mengikut kemampuan kewangan MFA untuk menyerap belanja peruntukkan hutang lapuk ini. Penurunan jumlah tunggakan disebabkan oleh pelaksanaan dasar kutipan yuran yang lebih tegas dan efektif pada tahun semasa berbanding tahun sebelumnya.

## Yuran Kursus dan Seminar Belum Terima

Yuran kursus dan seminar belum terima berkurang 93 % kepada RM3 ribu daripada RM38 ribu pada akhir tahun 2021 disebabkan tiada tunggakan bayaran yuran kursus dan seminar.





### **Yuran Acara Belum Terima**

Yuran acara belum terima menunjukkan penurunan 14% daripada RM166 ribu kepada RM143 ribu. Penurunan tersebut menunjukkan kutipan yuran acara adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya.

### **Yuran Pelbagai Belum Terima**

Yuran pelbagai belum terima menurun 49 % kepada RM54 ribu daripada RM106 ribu pada akhir tahun 2022 disebabkan oleh pelaksanaan program pengurusan acara dengan syarikat daripada Korea dan masih berbaki 50% daripada jumlah yuran.

### **Pegangan tunai**

Pegangan tunai daripada simpanan tetap serta baki di tangan dan di bank menurun kepada RM3.297 juta berbanding RM7.651 juta pada 2021 disebabkan penerimaan peruntukan pada penghujung 2021 dan pelaksanaan program kerjasama seperti yang telah dirancang pada tahun 2023 menggunakan peruntukan yang telah di terima.

### **JUMLAH LIABILITI**

Jumlah liabiliti menurun 61% kepada RM3.174 juta pada akhir tahun kewangan 2022 berbanding RM8.079 juta disebabkan oleh pengurangan hasil terdahulu disebabkan pelaksanaan program kerjasama.

### **Hasil Terdahulu**

Hasil terdahulu merangkumi penyaluran wang peruntukkan daripada pihak kementerian bagi melaksanakan aktiviti promosi francais secara kerjasama dengan pihak Kementerian. Sebahagian besar peruntukkan adalah bagi program EFDP dan Program Francais Mikro dan Mampu Milik yang mana pembayaran geran pada penghujung tahun 2021 dan sebahagian besar pelaksanaan program adalah pada tahun 2022.

### **Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang**

Jumlah Pemiutang mencatat peningkatan sebanyak 8% yang mana kebanyakannya adalah pembayaran pembekal bagi program EFDP, manakala pelbagai pemiutang mencatatkan peningkatan RM150 ribu daripada RM87 ribu pada 2021.

**RAMILAN ABDUL RAHMAN**

Bendahari Agung  
31 Mei 2023



## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

### Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA yang terdiri daripada lembaran imbangan, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata penerimaan dan pembayaran bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2022 dan ringkasan asas-asas penyediaan perakaunan serta nota-nota yang dibentangkan.

### Tanggungjawab Jawatankuasa Utama kepada Penyata Kewangan

Ahli-ahli Jawatankuasa Utama adalah bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan yang saksama menurut peruntukkan Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-Peraturan yang diperbuat di bawahnya serta piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan dan digunapakai di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk membentuk, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama dan bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada kerana pemalsuan atau kesilapan, memilih mengguna pakai polisi kewangan yang berpatutan dan membuat jangkaan perakaunan yang munasabah pada penyata kewangan.

### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat yang bebas ke atas penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami melaksanakan pengauditan kami menurut Piawaian-Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-Piawaian tersebut mengkehendaki kami merancang dan melaksanakan kerja-kerja audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas dari salah nyata yang penting.

Audit melibatkan pelaksanaan tatacara untuk mendapatkan bukti mengenai jumlah dan pembentangan di dalam penyata kewangan. Tatacara yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko terhadap salah nyata fakta yang ketara samada kerana pemalsuan atau kesilapan pada penyata kewangan. Untuk membuat penilaian risiko, kami mengambil kira kawalan dalaman yang berkaitan kepada penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama oleh Persatuan bagi membentuk tatacara audit yang bersesuaian pada keadaan dan bukan tujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Persatuan. Audit juga meliputi penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Persatuan dan juga penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan berpatutan untuk menjadi dasar kepada pendapat audit kami.

### Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan bersama-sama dengan nota-nota yang disediakan adalah menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan dan digunapakai di Malaysia yang diluluskan dan memenuhi Akta Pertubuhan 1966 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang transaksi-transaksi kewangan dan kedudukan hal-ehwal Persatuan pada 31 Disember 2022 dan hasil kendalian serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.



## **LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA**

(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Kami juga melaporkan bahawa, pada pendapat kami rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang wajib disimpan oleh Persatuan, telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukkan Akta tersebut.

Lain-Lain Perkara

Laporan ini dibuat untuk anggota-anggota Persatuan, sebagai satu badan, mengikut Akta Pertubuhan 1966, dan tanpa ada sebaran tujuan lain. Kami tidak mengambil tanggungjawab ke atas pihak lain bagi kandungan laporan ini.

HALIM, AHMAD & CO  
AF 1205  
Akauntan Bertauliah (Malaysia)

ABDUL HALIM BIN AHMAD  
1962/06/18 (J)

Kuala Lumpur

Tarikh : 31 Mei 2023



**LAPORAN BERKANUN JAWATANKUASA UTAMA**

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Pertubuhan 1966)

Kami, bagi pihak Jawatankuasa Utama mewakili Persatuan Francais Malaysia dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Jawatankuasa Utama, penyata kewangan di muka surat 72 hingga 81 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA pada 31hb. Disember, 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

.....  
 DATUK RADZALI HASSAN  
 Pengerusi

.....  
 DERIC YEO CHIN LEE  
 Setiausaha Agung

.....  
 RAMILAN ABDUL RAHMAN  
 Bendahari Agung

Kuala Lumpur

Bertarikh : 31 Mei 2023

**AKUAN BERKANUN**

(Ditubuhkan Di Bawah Akta Pertubuhan 1966)

Saya, ROZAIMAN CHE KAR, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kwangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan di muka surat 72 hingga 81 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui )  
 oleh penama di atas RAMILAN ABDUL RAHMAN, )  
 di Kuala Lumpur pada )

.....  
 RAMILAN ABDUL RAHMAN

Di hadapan saya,



**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31HB. DISEMBER 2022**

(Nota-Nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)

	Nota	2022 RM	2021 RM
<b>HARTANAH DAN PERALATAN</b>	3	349,785	424,480
<b>ASET SEMASA</b>			
Yuran Ahli dan Bayaran Proses Belum Terima		116,179	170,673
Yuran Kursus dan Seminar Belum Terima		2,732	38,500
Yuran Acara Belum Terima		143,276	166,363
Yuran Pelbagai Belum Terima		53,986	106,328
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	4	607,077	795,479
Tunai dan Persamaan Tunai	5	3,297,134	7,651,360
		<b>4,220,385</b>	<b>8,928,703</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pemiutang	6	368,410	387,959
Hasil Terdahulu	7	2,604,777	7,603,436
Pelbagai Pemiutang	8	209,100	87,278
		<b>3,182,287</b>	<b>8,078,673</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		1,038,098	850,030
		<u>1,387,883</u>	<u>1,274,510</u>
<b>KUMPULAN WANG TERKUMPUL</b>			
Lebihan Berkumpul Pada 1 Januari		1,274,510	1,214,939
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa		113,372	59,571
Wang Berkumpul pada 31 Disember		<u>1,387,883</u>	<u>1,274,510</u>



## PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB. DISEMBER 2022

(Nota-Nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)

	Nota	2022 RM	2021 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Yuran Ahli dan Bayaran Proses		339,116	318,312
Yuran Kursus dan Seminar		432,906	558,846
Yuran Acara		1,899,746	927,050
Pelbagai Pendapatan	9	2,418,116	1,868,883
Keuntungan Simpanan Tetap		89,863	6,490
		<b>5,179,747</b>	<b>3,679,581</b>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Belanja Keahlian		64,534	87,397
Belanja Kursus dan Seminar		259,389	163,765
Belanja Acara		1,388,688	586,928
Belanja Pelbagai	10	2,088,512	1,613,271
Belanja Pentadbiran	11	1,265,252	1,168,649
		<b>5,066,375</b>	<b>3,620,010</b>
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) PENDAPATAN</b>		<b>113,372</b>	<b>59,571</b>





## PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB. DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
<b>PENERIMAAN</b>			
Penerimaan Yuran Keahlian dan Bayaran Proses		359,987	243,278
Penerimaan Yuran Kursus dan Seminar		193,320	314,309
Penerimaan Yuran Acara		1,305,880	241,132
Penerimaan Yuran Pelbagai	12	1,104,758	7,955,579
Penerimaan Dividen Simpanan Tetap	13	89,862	6,490
		<b>3,053,807</b>	<b>8,760,788</b>
<b>PEMBAYARAN</b>			
Belanja Keahlian		12,866	609
Belanja Kursus & Seminar		178,234	91,790
Belanja Acara		1,150,030	489,997
Belanja Pelbagai	14	4,980,355	1,546,498
Belanja Pentadbiran	15	1,068,665	1,073,541
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	16	16,423	7,429
Pembayaran kepada syarikat berkaitan		1,460	5,084
		<b>7,408,033</b>	<b>3,214,948</b>
<b>LEBIHAN/ (KURANGAN) PENERIMAAN ATAS PEMBAYARAN</b>		<b>(4,354,226)</b>	<b>5,545,840</b>
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>			
Tunai dan persamaan tunai		7,651,360	2,105,520
		<u>3,297,134</u>	<u>7,651,360</u>
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>			
Tunai dan persamaan tunai		3,297,134	7,651,360
		<u>3,297,134</u>	<u>7,651,360</u>



## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 HB. DISEMBER 2022

### 1. AKTIVITI PERSATUAN

